



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*Senate*

**PARLIMEN KELAPAN**  
*Eighth Parliament*

**PENGGAL KEEMPAT**  
*Fourth Session*

---

**Jilid IV**

**Bil. 3**

**Hari Rabu**

**11hb Mei, 1994**

---

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

USUL;

**Ucapan Terima Kasih Kepada Seri Paduka Baginda  
Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah  
- Y.B. Puan Hajah Zaleha binti Hussin**

(Ruangan 40)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

**Rabu, 11hb Mei, 1994**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

D O A

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**NISBAH PERATUS GURU LELAKI/PEREMPUAN DI SEKOLAH RENDAH**

**1. Tuan Ho Cheng Wang** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) berapa peratus guru lelaki dan perempuan dalam perkhidmatan peringkat sekolah rendah dalam tahun 1992 dan 1993;
- (b) sebab-sebab perbezaan yang tinggi, jikalau ada; dan
- (c) tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah perbezaan tersebut.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, peratus guru lelaki di sekolah rendah bagi tahun 1992 dan 1993 adalah 41% lelaki dan 59% perempuan. Perbezaan itu disebabkan oleh permohonan untuk mengikuti latihan guru kurang mendapat sambutan daripada calon lelaki. Untuk menggalakkan lebih ramai calon lelaki menceburi diri dalam bidang pendidikan, galakan dan promosi diadakan oleh Kementerian Pendidikan termasuk pameran-pameran aliran kerjaya guru-guru di maktab dan sekolah-sekolah.

**Tuan Chong Chi Siong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu faktor penting mengapa kaum lelaki yang tidak memasuki bidang pendidikan ialah kerana gajinya kurang. Adakah Kementerian bercadang menambah gaji yang lebih tinggi kepada guru-guru supaya kaum lelaki boleh memasuki bidang pendidikan?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan selalu galakkan lebih ramai khususnya calon-calon lelaki menceburi bidang pendidikan. Berdasarkan kepada kajian, faktor yang penting sekali yang menyebabkan kurangnya calon-calon lelaki menceburi bidang pendidikan ialah di dalam era kemajuan kemakmuran ekonomi calon-calon lelaki selepas mereka keluar dari sekolah ada banyak pilihan pekerjaan khususnya di bidang perkhidmatan, bidang perindustrian di kilang-kilang dan sebagainya.

Di dalam era di mana kita telah menerima, dengan izin, equality of races, Kementerian Pendidikan tidak bolehlah menggalakkan lebih ramai calon lelaki dengan memberi mereka gaji yang lebih dibandingkan dengan calon-calon perempuan - memang tidak boleh. Tetapi Kementerian Pendidikan mengadakan promosi, mengadakan lebih banyak ceramah untuk menggalakkan lebih ramai calon-calon lelaki untuk menceburi bidang pendidikan. Kalau kita terima kerjasama antara semua pihak termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, kita yakin kita boleh berjaya.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Kerajaan memandangkan kepada perbezaan peratus yang telah dimaklumkan, adakah Kerajaan berpuas hati terhadap perkhidmatan guru-guru perempuan terhadap perkembangan pendidikan di negara ini. Kalau Kerajaan tidak berpuas hati apakah langkah-langkah yang patut diambil bagi mengatasi masalah-masalah yang tersebut?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan bukan sahaja amat berpuas hati dengan prestasi guru-guru perempuan malah ada banyak aspek-aspek bidang perguruan di mana guru-guru perempuan adalah lebih berkesan dibandingkan dengan guru-guru lelaki. Namun demikian, ini tidak bererti bahawa sistem pendidikan khususnya di sekolah-sekolah ada aspek-aspek tertentu di mana kita perlu melibatkan guru-guru lelaki dalam kegiatan kokurikulum, anjuran sukan dan sebagainya di mana kalau kita dapat lebih ramai guru-guru lelaki memang aktiviti tersebut bolehlah dianjurkan dengan lebih berkesan. Jadi, atas faktor-faktor tersebut Kementerian Pendidikan telah memberi galakan dan juga memberi sedikit insentif kepada calon-calon lelaki untuk menggalakkan mereka memasuki maktab perguruan.

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama sekali saya ingin menyatakan begitu bangga kerana Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa Kerajaan begitu berpuas hati dengan prestasi guru-guru perempuan. Bagaimanapun, saya ingin tanya pihak Kementerian adakah sedar bahawa dari segi jangka panjangnya kalau lebih sangat guru-guru perempuan ini akan membawa masalah sosial dalam jangka panjang khususnya di negeri-negeri di mana ramai guru-guru perempuan ditempatkan di sekolah-sekolah pedalaman di mana mereka akan bertugas di situ lebih dari tiga sehingga lima tahun dan dalam masa itu mereka tidak mendapat suami.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang dalam soal ini Kementerian Pendidikan selalu peka dan sedar tentang aspek-aspek keselamatan dan kemajuan guru-guru kita.

Jadi, untuk mengatasi masalah tersebut, Kementerian Pendidikan selalu menganjurkan program-program latihan 'in-house' untuk menggalakkan calon-calon tersebut untuk dapat peluang-peluang kenaikan pangkat dan juga kita selalulah memberi perhatian atas permohonan guru-guru selepas mereka berkhidmat di sebuah kawasan selama satu jangka panjang yang agak lama. Contohnya, lima tahun ke atas, kita memberi perhatian dan keutamaan supaya mereka bolehlah di'place'kan ke satu kawasan yang dianggap lebih sesuai mengikut permohonan calon-calon tersebut.

#### **PROGRAM PPRT SARAWAK - JUMLAH PERUNTUKAN**

**2. Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:-

- (a) jumlah wang yang diperuntukkan bagi negeri Sarawak dalam Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) yang disalurkan melalui agensi KPLB sejak dilancarkan;
- (b) sejauh manakah pelaksanaannya telah dimanfaatkan oleh kumpulan sasar; dan
- (c) jumlah peruntukan yang disediakan dalam membantu usahawan melalui Program Perusahaan Luar Bandar (PLB) bagi seluruh negara dan berapakah yang telah dibelanjakan untuk negeri Sarawak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Dato Mohamed bin Jamrah]: Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) jumlah wang yang diperuntukkan bagi negeri Sarawak dalam Program Pembangunan Rakyat Termiskin yang disalurkan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar sejak ia dilancarkan sehingga 1993 ialah sebanyak RM16,667,358.

- (b) Pelaksanaan program-program PPRT telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada rakyat termiskin di Sarawak. Mereka melibatkan diri dan menggunakan kemudahan-kemudahan yang diberi selaras dengan hasrat program PPRT untuk meninggikan tahap sosio-ekonomi mereka.

Melalui Program Pemulihan Rumah, sejumlah 1175 unit rumah telah dibina atau dibaiki dan ini dapat memberi kemudahan yang lebih selesa kepada 1175 keluarga atau 5,870 orang. Bagi Program Peningkatan Ekonomi Kampung, seramai 4,536 orang telah diberi bantuan. Melalui aktiviti-aktiviti Bahagian Pembangunan Masyarakat (KEMAS), manfaat yang diperolehi ialah:

- (i) Makanan Tambahan - 13,769 kanak-kanak
  - (ii) Dapur Masyarakat - 2,991 keluarga
  - (iii) Kutub Khanah Desa - 17 Kutub Khanah bagi 4,451 orang
  - (iv) Pemulihan Sikap - 13,557 orang.
- (c) Sebanyak RM93.34 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk membantu usahawan melalui Program Pembangunan Perusahaan Luar Bandar. Peruntukan yang diberikan tidak diagih-agihkan mengikut negeri tetapi sebaliknya diagihkan mengikut sub-program iaitu pembangunan usahawan, bantuan mesin/peralatan, infrastruktur industri dan pemasaran dan promosi yang dilaksanakan di seluruh negara. Walau bagaimanapun, bagi sub-program bantuan mesin/peralatan, peruntukan sebanyak RM60 juta telah

diberikan dan pemberian sama rata diagih-agihkan kepada negeri-negeri. Namuh begitu peruntukan yang diperolehi oleh negeri masih bergantung kepada permohonan projek-projek berdaya maju yang diterima. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam sehingga kini Sarawak telah menerima 79 projek yang dianggarkan berjumlah RM3,249,000.

#### AYAM DAGING - KENAIKAN HARGA DI MUSIM PERAYAAN

**3. Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Pertanian menyatakan sebab-sebab kekurangan ayam daging semasa perayaan Tahun Baru Cina yang menyebabkan harga naik melambung tinggi yang menyusahkan rakyat jelata yang berpendapatan rendah dan menyatakan apakah langkah jangka panjang yang boleh memastikan pengeluaran ayam daging dapat memenuhi permintaan pengguna-pengguna di masa hadapan supaya harganya berpatutan.

#### 17.5.94

**11. Tuan K. Munisamy** minta Menteri Pertanian menyatakan bahawa apakah tindakan Kementerian terhadap masalah kekurangan penawaran daging ayam yang berlaku semasa perayaan-perayaan seperti yang telah berlaku baru-baru ini. Apakah langkah-langkah yang telah diambil supaya kejadian seperti ini tidak berulang lagi.

#### 19.5.94

**3. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Pertanian menyatakan sebab-sebab kenaikan harga ayam daging semasa perayaan Tahun Baru Cina dan juga nyatakan adakah kekurangan bekalan ayam daging disebabkan pengeluar ayam daging ini ingin mengaut keuntungan yang cepat dan apakah tindakan Kerajaan untuk mendakwa mereka yang sengaja merancang untuk menaikkan harga ayam daging ini.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dr. T. Marimuthu]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini, saya mohon untuk merangkumkan jawapan ini dengan dua jawapan lain yang mempunyai maksud pertanyaan yang sama iaitu pertanyaan pada 17hb -Mei 1994 daripada Yang Berhormat Senator Tuan K. Munisamy dan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Zainal Md. Deros pada 19 Mei 1994.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Dr. T. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran ayam daging telah ditingkatkan dari biasa untuk menampung keperluan Tahun Baru Cina, tetapi oleh kerana tarikh Tahun Baru Cina dan awal Ramadhan yang begitu hampir telah menyebabkan permintaan ayam daging meningkat begitu tinggi. Ini telah menyebabkan bekalan tidak dapat menampung permintaan. Keadaan ini telah menyebabkan para peniaga mengambil kesempatan mengaut keuntungan dengan menaikkan harga, walaupun harga daging di ladang tidaklah begitu tinggi.

Untuk memastikan bekalan ayam sentiasa mencukupi dan harganya terkawal, Kerajaan akan terus menggalakkan perkembangan industri ayam tempatan melalui pemberian khidmat teknikal dan rnenggalakkan penternakan secara integrasi. Pihak industri juga ditegaskan supaya mengambil kira insiden seperti yang tersebut di atas dalam membuat perancangan pengeluaran bersepadu mereka.

Walaupun bekalan boleh dipastikan mencukupi, harga pasaran sebaliknya ditentukan bukan sahaja oleh permintaan dan bekalan, tetapi juga oleh lain-lain faktor pada sesuatu masa yang boleh mempengaruhi pasaran. Namun begitu, Kerajaan akan terus memberi perhatian terhadap

perkara ini dan akan mengambil tindakan sesuai dan sepadan mengikut kuasa yang ada padanya untuk memastikan harga pasaran adalah munasabah.

Kerjasama dan penyelarasan akan ditingkatkan lagi di antara Kementerian Pertanian, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta pihak industri termasuk Persatuan Penternak-penternak Malaysia supaya harga ayam tidak ditetapkan dengan sewenang-wenangnya oleh raana-mana pihak.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama sekali, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan kerana usaha-usaha telah diambil untuk mengatasi masalah pemasaran ayam. Saya ingin mengemukakan satu cadangan atau pandangan kepada Kerajaan, yang kita memahami ayam akan ada.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh tanya tetapi tidak boleh mencadang.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Minta maaf. Yang kita memahami, ayam akan ada berasal daripada telur. Kalau tidak ada telur, tidak ada ayam. Apakah pendapat Kerajaan kalau suatu usaha dibuat dengan kemajuan sains dan teknologi, membolehkan seekor ayam bertelur lebih daripada sebiji pada setiap hari? **[Ketawa]**

**Dr. T. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat. Walaupun Kementerian Pertanian mengadakan beberapa penyelidikan dan nasihat teknikal tetapi kita akan mengambil tindakan ataupun kita akan berusaha untuk menggalekkan ayam mengeluarkan telur-telur yang banyak. **[Ketawa]**

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Benarkah apabila tiba musim perayaan, pembekal-pembekal utama ini iaitu pembekal daging ayam sengaja menyorokkan ayamnya dengan tidak menyembelih ayam-ayam **itu**, sehingga apabila harga ayam naik, barulah pembekal utama ini mengeluarkan ayamnya untuk mendapat keuntungan yang besar? Jika benar, apakah tindakan Kementerian terhadap pembekal utama yang demikian?

**Dr. T. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian tidak mendapat kes-kes di mana pengeluar-pengeluar daging ayam menyorokkan ayam daging **itu**. Tetapi kita dapati pada data-data atau pun data yang ada daripada jabatan-jabatan yang berkenaan menunjukkan kita ada mengeluarkan lebih banyak ayam daging daripada permintaan. Apa yang berlaku pada musim perayaan itu adalah satu keadaan yang unik iaitu kita dapat satu keadaan di mana Tahun Baru Cina dan juga awal Hari Raya Puasa berlaku dengan dekat.

Oleh kerana **itu**, kita tidak dapat maklumat bahawa pengeluar-pengeluar ayatan menyorokkan ayam daging, Jika kita ada maklumat yang tertentu, Kementerian Pertanian harus mengambil tindakan yang sewajarnya.

**Dr. Toh Kin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setahu saya dalam beberapa bulan dulu pengeluaran ayam daging memang banyak, lantaran daripada adanya satu pengeluar besar iaitu Kumpulan C.P. dari Thailand, kemudian pengeluar-pengeluar tempatan membantah kerana pengeluaran berlebihan ini telah menjatuhkan harga. Adakah Kementerian Pertanian sudah mengambil tindakan terhadap C.P. Group, mungkin kerana tindakan C.P. Group ini, pengeluaran telah jatuh dan ini menyebabkan harga meningkat?

**Dr. T. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, Syarikat C.P. bukanlah satu syarikat yang mengeluarkan ayam yang banyak, tetapi Leong Hup adalah syarikat yang mengeluarkan ayam dengan besar-besaran.

Mengenai Syarikat C.P., kita tidak dapat maklumat ataupun aduan bahawa Syarikat C.P. telah mengeluarkan ayam dengan banyak, oleh kerana itu harga telah jatuh. Sekarang kita menghadapi satu masalah di mana kita mengeluarkan ayam yang lebih dibandingkan dengan permintaan. Saya tidak tahu bahawa C.P. adalah satu syarikat yang menentukan harga **itu**. Harga itu ditentukan oleh pasaran, iaitu permintaan dan penawaran. Syarikat-syarikat yang mengeluarkan ayam ialah 15 syarikat yang menentukan pengeluaran 66% dan syarikat-syarikat yang kecil mengeluarkan 33%.

**PEMBINAAN EMPANGAN PERGAU - KESAN PEMBATALAN KONTRAK BRITAIN**

4. **Tuan K. Munisamy** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bahawa berikutan daripada pembatalan kontrak Britain di negara **ini**, adakah Rancangan Pembinaan Empangan Pergau tergendala:

- (a) adakah Kerajaan Malaysia mengalami sebarang kerugian. Jika ya, apakah tindakan dan strategi Kerajaan untuk mengatasi masalah ini; dan
- (b) jika rancangan ini berjaya, apakah manfaat kepada penduduk negara kita dan berapakah pendapatan yang dianggarkan oleh Kerajaan apabila rancangan ini selesai.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]:**

Tuan Yang di-Pertua, rancangan pembinaan Empangan Pergau tidak tergendala kerana kontrak projek ini telah ditawarkan kepada kontraktor British sebelura arahan Kerajaan Malaysia mengenai larangan pemberian kontrak kepada syarikat British di negara ini. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak akan mengalami sebarang kerugian dalam pelaksanaan projek ini.

Manfaat projek ini kepada penduduk-penduduk negara ini adalah seperti berikut:-

- (i) faedah utama ialah memenuhi permintaan bekalan elektrik ke seluruh negara;
- (ii) mewujudkan peluang pekerjaan semasa pembinaan empangan;
- (iii) menyumbang ke atas pembaikan kualiti **air**, pembaikan pengaliran sungai bermusim, terutamanya dalam musim kering dan pengurangan banjir di kawasan **hilir** berdekatan empangan semasa musim hujan;
- (iv) mewujudkan kawasan pelancongan dan rekreasi di sekitar kawasan takungan air.

Apabila projek ini diselesaikan dan mula ditugaskan, pendapatan yang dianggarkan oleh Kerajaan adalah bersamaan dengan pengeluaran purata, iaitu penjanaan tenaga sebanyak 520 juta KWH (kilowatt per-hour) setahun. Berdasarkan kepada purata kadar tarif sebanyak 18 sen sekilowatt perhour, anggaran pendapatan ialah RM93.6 juta setahun.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertama sekali, saya ingin tahu kerja-kerja ini telah siap ke berapa angka peratusnya?

Yang kedua, apakah kerjasama yang telah diberi oleh pihak Kerajaan PAS Kelantan terhadap projek yang tersebut?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, penyiapan yang telah dicapai dalam projek ini ialah lebih dari 602. Saya percaya kita akan siapkan projek itu pada penghujung tahun 1994 sahaja, tetapi jangkaan kita mulakan tugas mesin-mesin janakuasa itu ialah dalam tahun 1995.

Saya percaya dalam pelaksanaan projek **ini**, walaupun kita menghadapi sedikit masalah daripada Kerajaan Negeri pada masa **itu**, selepas perbincangan dengan Kerajaan Negeri., saya percaya semua masalah sudah selesai sekarang. Kita tidak menghadapi apa-apa masalah daripada mereka.

#### LESEN PEMANDU - MENGETATKAN SYARAT PENGELUARAN

**5. Tuan Michael Bong Thiam Joon** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kemalangan jalan raya yang banyak mengakibatkan kehilangan jiwa dapat diatasi dengan mengetatkan kawalan penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan mengenai pengeluaran lesen-lesen baru kepada pemandu-pemandu yang baru mendapat lesen, dan jika kemalangan disebabkan faktor-faktor lain, maka adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan rancangan jangka panjang yang boleh mengurangkan kemalangan jalan raya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kajian dan analisis yang dibuat, punca yang terbesar berlakunya kemalangan jalan raya ialah faktor kemanusiaan yang meliputi sikap dan tingkah laku pengguna jalan raya sendiri, khususnya pemandu-pemandu kenderaan. Memandu melebihi had laju yang dibenarkan, cuai dan tidak bertimbang rasa serta memotong kenderaan lain di tempat-tempat merbahaya adalah antara faktor-faktor utama yang menyebabkan berlakunya kemalangan jalan raya. Sikap dan kelakuan ini meliputi semua golongan pemandu dan tidak khusus kepada peraandu-pemandu baru ataupun muda sahaja. Sungguhpun demikian, Kerajaan memang meraberi tumpuan terhadap kawalan pengeluaran lesen-lesen kepada pemandu-pemandu baru sebagai satu cara untuk mengatasi masalah kemalangan jalan raya. Kawalan ini termasuklah pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Memandu yang antara lain, mengutamakan ciri-ciri pemanduan berhemat.

#### INDUSTRI TIMAH - RANCANGAN JANGKA PANJANG

6. **Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:-
- (a) rancangan jangka masa panjang untuk industri pembuatan hiliran berasaskan timah;
  - (b) jumlah sumbangan kewangan setahun kepada Institut Penyelidikan Timah Antarabangsa (ITAI), Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) dari SEATRAD, Organisasi Penyelidikan dan Pembangunan Timah Asia Tenggara; dan
  - (c) bagaimana ketiga-tiga organisasi tersebut telah memanfaatkan Malaysia.

**Timbalan Menteri Peruaahaan Utama [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perusahaan pembuatan hiliran berasaskan timah sememangnya diberi penekanan oleh Kerajaan melalui Pelan Induk Perindustrian (PIP) yang dilancarkan pada tahun 1986. Aspek hiliran ini adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Hasil tindakan Kerajaan **ini**, sebuah Kumpulan Pekilang Keluaran Timah Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1986 dan ini diganti dengan Persatuan Pekilang Keluaran Timah Malaysia (MTPMA) pada awal tahun **1989**. Tugas MTPMA ialah untuk menggalak dan memajukan pembangunan dan kepentingan perusahaan perabuatan hiliran berasaskan timah. Keahlian MTPMA telah berkembang daripada 12 semasa ianya ditubuhkan, kepada 20 pada akhir tahun 1993, meliputi keempat-empat sektor perusahaan berkenaan di Malaysia, iaitu pewter, plat timah, pateri dan kimia timah. Perusahaan barangan berasaskan timah terus berkembang secara mantap di mana penggunaan timah telah meningkat daripada 1,871 tan pada tahun 1986 kepada 5,196 tan pada tahun 1993, satu peningkatan sebanyak 177.7% dalam tempoh 7 tahun.

Salah satu unsur utama dasar mineral negara ialah untuk menggalakkan perkembangan dan pelbagaian perusahaan mineral termasuk timah melalui peningkatan projek-projek hiliran berasaskan mineral sebagai memenuhi keperluan sektor perindustrian yang berkembang dengan pesatnya. Dengan yang demikian, adalah jelas bahawa perusahaan pembuatan hiliran berasaskan timah akan terus mendapat galakan Kerajaan sesuai dengan matlamat pembangunan negara dalam Wawasan 2020.

- (b) jumlah sumbangan kewangan Malaysia bagi tahun 1994 kepada Instituti Penyelidikan Timah Antarabangsa (ITAI) ialah RM1,911,012; Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) ialah RM254,796; dan, Pusat Penyelidikan dan Kemajuan Timah Asia Tenggara (SEATRAD) ialah RM582,152. Perlu dinyatakan di sini bahawa jumlah sumbangan tahunan kewangan adalah berdasarkan kepada peratus pengeluaran timah negara.
- (c) Pusat SEATRAD adalah bertujuan menggalak, menyelaraskan, melaksana serta menyeragamkan segala kegiatan berkaitan dengan aspek-aspek teknikal dan ekonomi timah di bidang mencari gali, perlombongan kemajuan, pemerosesan mineral dan perleburan di negara-negara anggota. ITAI adalah bertanggungjawab untuk mengekalkan dan meluaskan penggunaan

dan keberkesanan penggunaan timah di dalam teknologi moden, dengan memajukan penggunaan timah berasaskan kajian saintifik dan teknikal tentang logam tersebut, panca logam dan sebatianannya serta proses-proses perindustrian. ATPC adalah merupakan sebuah persatuan yang berusaha ke arah menstabilkan pasaran timah antarabangsa melalui kerjasama negara-negara anggotanya.

Melalui skim merealisasikan bekalan timahnya ATPC telah berjaya buat beberapa tahun untuk mengurangkan lebihan bekalan timah di dalam pasaran dan meningkatkan harga timah ke paras yang lebih realistik. Walau bagaimanapun, akibat beberapa faktor yang di luar kawalan ATPC, kejayaan tersebut agak terbantut buat masa kini, Bolehlah disimpulkan bahawa dengan menganggotai ketiga-tiga pertubuhan tersebut Malaysia memperolehi manfaat di atas kepentingan perusahaan timah negara merangkumi sektor hiliran dan pemasaran adalah terbela dan dilindungi. Manfaat ini adalah lebih terasa semasa Malaysia merupakan pengeluar utama timah dunia.

#### AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 - CADANGAN PINDAAN CUKAI BERJADUAL

**7. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian sudah menyiapkan kajian lengkap mengenai cadangan Kementerian untuk meminda Akta Pendapatan Cukai bagi 1967 bagi mengatasi implikasi undang-undang berikutan cadangan Kerajaan memperkenalkan potongan cukai berjadual.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kajian yang lengkap untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi memperkenalkan potongan cukai berjadual tidak perlu dibuat kerana di bawah seksyen 154(1)(a), Akta Cukai Pendapatan 1967, Menteri Kewangan mempunyai kuasa untuk membuat kaedah-kaedah ataupun dengan izin, rules bersabit dengan potongan cukai berjadual. Bagi tujuan ini, satu kaedah potongan cukai dikeluarkan untuk membolehkan Jabatan Hasil Dalam Megeri membuat potongan cukai daripada gaji dan pendapatan seseorang pekerja. Kaedah-kaedah ini akan berkuatkuasa mulai daripada 1.1.1995.

**HOSPITAL DI SELURUH NEGARA - KAJIAN KESAN PENSWASTAAN**

**8. Puan Hajah Rahmah binti Saleh** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah benar Kerajaan bercadang untuk menswastakan hospital-hospital di seluruh negara; dan
- (b) jika benar apakah kesan yang akan dirasai oleh rakyat yang berpendapatan rendah apatah lagi miskin.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Mohamed Farid bin Ariffin]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan setakat ini belum lagi bercadang untuk menswastakan hospital-hospital di seluruh negara tetapi sudah ada satu rancangan untuk diuruskan dengan Unit Perancang

Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk mengadakan satu kajian menyeluruh untuk memperbadankan (corporatisation) hospital-hospital besar terlebih dahulu di seluruh negara ataupun hospital-hospital negeri di seluruh negara. Kajian ini akan dilaksanakan oleh juruperunding yang bertauliah.

- (b) Jika sekiranya kajian ini berjaya dilancarkan ataupun dijalankan nanti kita akan mengambil kira kepentingan rakyat miskin dan yang berpendapatan rendah. Justeru itu juga, kita perlu mengkaji sekali gus berkenaan, dengan izin, the financing of the medical services, sejajar dengan tujuan untuk meng'corporatise' dan akhirnya berkemungkinan besar menjalankan, dengan izin' the ultimate consequential effect by the privatisation of the programme.

**Puan Hajah Rahmah binti Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, kenapa dan mengapa hospital ini perlu kita swastakan?

**Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya kata bukan hendak diswastakan, hanya di'corporatise'kan.

Saya tidak perlu mendalami definisi kepada corporatisation, tetapi dengan singkatnya, saya boleh katakan bahawa kita akan menjadikannya seperti IJN di mana ia dipunyai 100% oleh Kerajaan, tetapi dijalankan secara komersil. Jadi, sekiranya berlaku sebarang kemungkinan ada orang tidak mampu untuk membayar bil tersebut,

mengikut peraturan-peraturan tertentu, Kerajaan akan memberi subsidi yang sepatutnya. Tetapi pesakit tersebut mesti mengikut prosedur tertentu dan tidak boleh 'jumps the line', dengan izin. Kalau dia 'jumps the line', masuk sebagai 'private patient' dia akan bayar full bill. Kalau sekiranya dia perlukan subsidi ataupun bantuan daripada Kerajaan, dia mesti melalui prosedur ini, melalui hospital Kerajaan dahulu ditapis dari segi 'means test'. Jika sekiranya dia lulus 'means test' itu, bermakna dia lulus untuk menerima subsidi tersebut sebagai orang miskin, maka Kerajaan akan membiayai hampir semua - bukan semua - pembiayaan hospital tersebut.

#### **KEBUDAYAAN KAUM-KAUM DI MALAYSIA - GALAKAN INTEGRASI**

**9. Datuk David Teoh Eng Hock** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan usaha-usaha jangka pendek dan jangka panjang supaya rakyat Malaysia yang berbilang kaum dapat memahami lebih mendalam kebudayaan kaum-kaum yang bermastautin di Malaysia supaya perpaduan kaum akan diperkukuhkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan Yong Khoo Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sentiasa mengadakan berbagai usaha yang menyeluruh untuk memperkukuhkan perpaduan kaum di negara ini. Salah satu daripada usaha yang terus dilaksanakan ialah melalui menyebarkan pengetahuan mengenai kebudayaan atau adat resam masyarakat berbagai kaum kepada rakyat, dan juga memberi pendedahan di kalangan mereka secara langsung untuk memahami kebudayaan atau adat resam

tersebut melalui percampuran dan pergaulan. Melalui usaha ini diharap dapat membentuk dan memupuk sikap rakyat untuk saling hormat-menghormati dan bertolak ansur di antara satu sama lain bagi menjalin hubungan kaum yang harmoni.

Usaha menyebarkan pengetahuan mengenai kebudayaan atau adat resam masyarakat berbagai kaum dilaksanakan melalui:

- (i) aktiviti pendidikan prasekolah di tabika-tabika perpaduan anjuran Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat;
- (ii) aktiviti-aktiviti kejranaan yang melibatkan masyarakat di kawasan-kawasan Bukun Tetangga seperti kegiatan Jiran Wanita, Jiran Muda dan Khemah Kerja Kejranaan untuk golongan remaja;
- (iii) penyampaian ceramah mengenai adat resam kepada pelajar-pelajar sekolah raenengah dan institusi pendidikan tinggi, ahli-ahli pertubuhan bukan Kerajaan dan kakitangan swasta; dan
- (iv) penerbitan buku-buku kecil, akhbar dan majalah seperti buku Resam Muhibah Masyarakat" Malaysia, Akhbar "Jiran" dan Majalah Muhibah. Pada masa ini Kementerian sedang berusaha untuk menerbitkan Direktori Budaya Masyarakat Malaysia. Direktori ini akan dapat dijadikan sebagai sumber rujukan masyarakat untuk meningkatkan pengetahuan dan mendalami pemahaman mereka mengenai kebudayaan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Aktiviti-aktiviti yang melibatkan rakyat secara langsung dapat bergaul dan berinteraksi di antara satu sama lain dan seterusnya diberi pendedahan mengenai kebudayaan atau adat resam berbagai kaum ini. Projek-projeknya ialah:

- (1) Titian Emas;
- (2) Sedarpadu;
- (3) Program orientasi pegawai-pegawai yang bertukar ke Sabah dan Sarawak;
- (4) Lawatan-lawatan integrasi;
  - (a) Lawatan sempena Pembukaan Penggal Parlimen;
  - (b) Lawatan sempena Musabaqah Al-Quran Peringkat Kebangsaan;
  - (c) Lawatan sempena Hari Gawai (Sarawak);
  - (d) Lawatan sempena Hari Keamatan (Sabah);
  - (e) Lawatan sempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong;  
dan
  - (e) Lawatan sempena Hari Rebangsaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Projek Titian Emas, Sedarpadu, Program Orientasi dan lawatan-lawatan yang disebutkan tadi adalah dilaksanakan setiap tahun yang telah melibatkan setiap lapisan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dari seluruh negara ini. Projek-projek dan lawatan tersebut telah memberikan kesempatan

serta peluang kepada peserta-peserta meraahami cara hidup adat-resam dan kebudayaan serta sikap masing-masing untuk membolehkan mereka mempertingkatkan semangat setia kawan dan mengikat tali silatullahim antara mereka.

**TENAGA MAHIR/SEPARUH MAHIR DI SEKTOR PERKILANGAN - LANGKAH  
MENGATASI KEKURANGAN**

**10. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan.

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah pelabur asing di Malaysia yang menghadapi masalah kekurangan tenaga mahir dan separuh mahir; dan
- (b) apakah masalah-masalah infrastruktur industri besi dan keluli sehingga menjejaskan aktiviti eksportnya dan langkah-langkah Kerajaan mengatasi masalah tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk S.S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bagi mengatasi kekurangan tenaga mahir dan separuh mahir di sektor perkilangan, Kerajaan telah meningkatkan usaha-usaha bagi kemudahan latihan di sektor awam dan swasta. Untuk **itu**, Tabung Pembangunan Manusia (Human Resource Development Fund) telah dilancarkan pada tahun 1993 bagi menggalakkan sektor swasta melabur dalam latihan tenaga mahir. Syarikat perkilangan yang mempunyai tenaga pekerja 50 orang atau lebih adalah dikehendaki menyumbang kira-kira 1% daripada jumlah gaji.

Di samping usaha-usaha di atas, kerjasama antara sektor swasta dan Kerajaan telah menghasilkan penubuhan

beberapa Pusat Pembangunan Latihan di negeri Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang dan Selangor. Pusat-pusat seperti ini diuruskan oleh pihak swasta dan sumbangan Kerajaan Pusat dari segi pembelian mesin dan perkakas manakala Kerajaan Negeri menyediakan tanah dan bangunan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan industri besi dan keluli pada ketika ini adalah tertumpu kepada 4 kawasan utama, iaitu di Lembah Kelang, Pulau Pinang dan Kedah, Kemaman dan Johor. Syarikat-syarikat utama besi dan keluli yang terletak di Lembah Kelang menjalankan aktiviti import dan eksport keluaran besi keluli mereka melalui Pelabuhan Kelang, manakala yang terletak di utara melalui Pelabuhan Pulau Pinang dan yang terletak di Koridor Timur menggunakan Kemaman 'Supply Base', dengan izin, dan Pelabuhan Pasir Gudang.

Buat masa ini tiada masalah-masalah infrastruktur bagi industri besi dan kelului yang dianggap ketara sehingga menjejaskan aktiviti-aktiviti eksport. Ini adalah kerana sistem pengangkutan jalan raya dan pelabuhan yang ada di negara ini adalah mencukupi untuk menampung aktiviti eksport bagi keluaran besi dan keluli. Memandangkan industri ini sedang berkembang dengan pesatnya dan untuk menampung keperluan yang meningkat di masa akan datang, Kerajaan telah mengadakan usaha-usaha pembesaran dan peningkatan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang sedia ada di pelabuhan-pelabuhan tersebut. Sebagai

contoh, pembinaan West Port Development Project di Pelabuhan Kelang; North Container Terminal di Pelabuhan Pulau Pinang; Phase IV dan Expansion Project dan rancangan pembinaan pelabuhan kedua di Johor termasuk Kemanan Supply Base yang mana ianya telah diisytiharkan sebagai pelabuhan bebas cukai baru-baru ini.

Usaha-usaha bagi mempertingkatkan sistem jalan raya juga turut dijalankan langkah-langkah telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk menghubungkan bandar-bandar besar dan kawasan-kawasan lain dengan tujuan menambahkan kecekapan pengangkutan barangan untuk eksport. Pembinaan lebuhraya seperti Lebuhraya Timur/Barat (North/South Expressway); New Klang Valley Expressway dan pembinaan jalan-jalan raya dan lebuhraya lain akan membantu aktiviti eksport keluaran besi dan keluli menjadi lebih berkesan di masa akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Itam Wali bin Nawan.

Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 11, dengan izin.

#### TUNTUTAN FILIPINA TERHADAP SABAH - PEHYELESAIAN MUKTAMAD

**11. Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** [di bawah S.O.(23)(2): minta Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa isu tuntutan Filipina terhadap Sabah menjadi isu timbul tenggelam. Kadang-kadang reda dan kadang-kadang tegang seperti sedang diperkatakan sekarang. Tidak adakah satu jalan penyelesaian yang muktamad supaya isu ini tidak berulang di masa akan datang.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, tuntutan negara Filipina ke atas negeri Sabah belum ada penyelesaian yang muktamad, oleh kerana belum ada kata sepakat di kalangan Ahli-ahli Majlis Perundangan Filipina mengenai pendekatan yang patut diambil bagi menyelesaikan tuntutannya ke atas Sabah, Sehubungan dengan **ini**, Presiden Ramos telah membentuk satu Jawatankuasa Bersama Legislative Executive yang terdiri daripada Ahli-ahli Senate dan Dewan Perwakilan serta pegawai-pegawai kanan pentadbiran dalam usaha mencari jalan penyelesaian secara menyeluruh dalam isu tuntutan tersebut bagi pembentukan satu permuafakatan kebangsaan di Filipina. Kerajaan Filipina buat raasa ini sedang mengambil tindakan yang bersesuaian termasuk mengadakan rundingan dengan pihak tertentu dan golongan yang berkepentingan di Filipina dalam menyelesaikan masalah tersebut. Kita berharap masalah ini dapat diselesaikan tidak berapa lama lagi selaras dengan semangat setia kawan ASEAN.

#### **JETI DI MENUMBOK, SABAH - PENINGKATAN TARAF**

**12. Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Menteri sedar bahawa **jet** yang digunakan oleh kenderaan yang menuju ke Labuan di Menumbok dan sebaliknya dalam keadaan 'Sub standard' dan memerlukan peningkatan taraf memandangkan jumlah kekerapan penggunaannya telah meningkat. Jika ya, apakah langkah dan perancangan Kementerian untuk mengatasinya.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, **jet** di Menumbok adalah di bawah pentadbiran dan bidangkuasa Kerajaan Negeri Sabah. Untuk makluman Dewan yang mulia **ini**, 'ramp' pendaratan, dengan izin, yang digunakan di **jet** ini telah siap dibina pada bulan April, 1981 dan kerja-kerja penyambungan telah dilakukan pada tahun 1984. Adalah

difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Sabah semenjak tahun 1993 sehingga sekarang, sedang membaiki 'ramp' pendaratan tersebut. Saya juga difahamkan bahawa pemeriksaan secara kasar telah pun dibuat terhadap 'ramp' pendaratan ini dan didapati bahawa ianya masih lagi selamat digunakan. Pihak Kerajaan sedar bahawa penggunaan 'ramp' pendaratan ini akan meningkat di masa-masa akan dan saya percaya bahawa Kerajaan Negeri Sabah akan mengambil tindakan sewajarnya bagi menangani masalah peningkatan penggunaan tersebut.

#### **FILEM SCHINDLER'S LIST - PENARIKAN SEMULA PENGHARAMAN**

**13. Tuan Tiong Thai King** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah sebab-sebab filem "Schindler's List" diharamkan pada awalnya oleh Lembaga Penapis Filem dan kemudiannya diluluskan oleh Kerajaan.

**39. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab perubahan sikap Kementerian ini dengan isu filem "Schindler's List" yang pada mulanya diharamkan oleh Lembaga penapisan Filem Malaysia dan adakah disebabkan desakan pihak ketiga menyebabkan Kerajaan berubah sikap membenarkan penayangan filem tersebut.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Zainal bin Md. Deros pada hari yang sama juga kerana kedua-dua soalan adalah hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tiap-tiap filem yang diimport atau keluaran tempatan untuk tujuan penayangan, penjualan, penyewaan dan untuk siaran televisyen mestilah ditapis oleh Lembaga Penapis Filem mengikut garis panduan, penapisan yang dikeluarkan oleh Kerajaan. Setelah menonton

penapisan satu-satu filem, Lembaga Penapisan Filem akan membuat keputusan sama ada filem itu diluluskan tanpa potongan atau lulus dengan potongan atau tidak dibenarkan untuk tayangan atau diharamkan. Syarikat filem atau pengedar bagi satu-satu filem yang diharamkan boleh merayu kepada Jawatankuasa Rayuan **Filem** di bawah seksyen 17, Akta (Penapisan) Filem.1952.

Berhubung dengan filem "Schindler's List", Lembaga Penapisan Filem telah menonton tapis filem tersebut dan membuat keputusan tidak dibenarkan untuk tayangan ataupun diharamkan di negara ini kerana terdapat banyak memaparkan adegan-adegan ganas dan lucah. Pengedar filem tempatan tersebut kemudian telah pun membuat rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan Filem mengikut seksyen 17, Akta (Penapisan) Filem 1952. Jawatankuasa Rayuan telah mengkaji rayuan filem tersebut dan bersetuju meluluskannya untuk tayangan di negara ini dengan beberapa potongan adegan lucah dan ganas. Keputusan Jawatankuasa Rayuan membenarkan tayangan filem tersebut adalah dibuat secara profesional.

Walau bagaimanapun, 'film producer' dan pengedar filem berkenaan tidak setuju dengan beberapa pemotongan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Rayuan. Mereka memohon membawa keluar filem tersebut. Sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, kita tidak patut tunduk kepada mana-mana pihak yang mementingkan kepentingan sendiri.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semenjak tahun 1990 sehingga tahun 1993, Kementerian Dalam Negeri telah mengharamkan sebanyak 499 filem 35mm untuk tayangan panggung-panggung wayang di Malaysia, itu bermakna bahawa bukan satu-satunya filem yang kita kenakan pengharaman dan juga mengenakan pemotongan.

**Dr. Toh Kin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada 'Schindler's List' adakah filem-filem lain yang telah pun ditarik keluar oleh pengeluhannya lantaran daripada Lembaga Penapis Filem mengenakan syarat memotong adegan-adegan tertentu?

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada banyak filem-filem yang apabila Lembaga Penapisan mendapati banyak sangat adegan-adegan ganas dan lucu; kalau terlalu banyak sehingga kalau dipotong banyak sangat sudah tidak lengkap, penonton pun tidak berminat - maka kita haramkan penayangannya.

Untuk tahun 1993 sahaja filem yang ditapis adalah 687. Di antara 687 ini terdapat 110 telah diharamkan dan selepas pengharaman itu mereka menarik keluarkah atau simpankah ataupun tidak berminat lagikah - perkara itu kita tidak dapat tahulah, itu memang perkara yang mereka uruskan sendiri.

#### KARYA TERJEMAHAN - JUMLAH BUKU DITERBITKAN

**14. Tuan Saidin bin Mohamad** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah banyak buku-buku terjemahan yang dapat dihasilkan oleh penterjemah-penterjemah dan berapa banyak pula yang ditolak oleh Kerajaan untuk pasaran.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Pendidikan hanya mempunyai maklumat terjemahan yang dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Penterjemahan dari badan-badan lain tidak ada dalam rekod Kementerian Pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Dewan Bahasa dan Pustaka telah menterjemahkan 600 buah buku dan hanya sebuah buku telah ditolak oleh Kerajaan pada tahun 1993 memandangkan buku tersebut mengandungi unsur-unsur lucah.

**PENDATANG TANPA IZIN DI SABAH - LANGKAH MENYEKAT KEMASUKAN**

**15. Tuan Limun Laikim** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah pendatang tanpa izin yang berada di Sabah sejak tahun 1990 hingga sekarang;
- (b) apakah usaha Kementerian untuk menyekat kemasukan mereka yang banyak ini ke Sabah; dan
- (c) adakah pendatang tanpa izin yang sudah lama tinggal di Sabah akan diberi Kad Pengenalan Biru bagi mereka yang berkelakuan baik.

12.5.94

**30. Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramai pendatang tanpa izin dari negara Filipina yang datang ke negeri Sabah. Dan jika benar terdapat ramai pendatang, apakah tindakan Kementerian tersebut.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan juga saya menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan soal jawab mulut yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Johan B.O.T. Ghani pada 12hb Mei 1994 kerana kedua-dua soalan ini adalah berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan sebenar jumlah pendatang tanpa izin yang berada di Sabah dari 1990 hingga sekarang tidak dapat dianggarkan dengan tepat. Walau bagaimanapun, mengikut satu bancian menyeluruh yang diadakan pada tahun 1990 hingga 1991 terdapat 212,429 orang pendatang tanpa izin. Bilangan ini tidak termasuk buruh asing dan pelarian.
- (b) Agensi-agensi penguatkuasaan Kerajaan seperti Polis DiRaja Malaysia, Imigresen, Tentera Laut DiRaja Malaysia dan Jabatan Buruh mengambil tindakan-tindakan pencegahan, penangkapan dan pengusiran, dalam usaha mencegah kemasukan pendatang tanpa izin ke Sabah. Semenjak tahun 1990 hingga akhir Mac 1994 seramai 48,987 pendatang tanpa izin telah dihantar pulang iaitu terdiri daripada 23,316 orang Filipina dan 25,671 orang Indonesia.
- (c) Pendatang tanpa izin tidak berhak untuk mendapat Kad Pengenalan Biru Malaysia yang sah.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dahulu Kementerian mengatakan bahawa pendatang tanpa izin ini datang kerana negara kita begitu makmur, mereka mencari makan di sini. Jadi, soalnya adakah kedatangan mereka itu menguntungkan negara kita atau merugikan? Kalau menguntungkan apakah sikap Kerajaan terhadap pendatang tanpa izin ini, kalau merugikan apakah tindakan tegas yang mesti diambil supaya kerugian dihapuskan.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas pendirian Kerajaan iaitu pekerja asing ataupun buruh memasuki Malaysia secara sah, mempunyai permit kerja secara sah - itu memang adalah sangat menguntungkan negara kita. Kalau sekiranya mereka menyusup masuk secara tidak sah, menjalankan kegiatan yang melanggar undang-undang kita, maka semua mereka itu adalah tidak menguntungkan. Jadi, pendirian kita adalah jelas, kalau sah kita melayan dengan memberikan kerja dengan menjaga kebajikan mereka semuanya, kalau mereka masuk tanpa izin maka Kerajaan menangkap dan mengusir mereka. Itu adalah jelas.

**PEMANDU/KONDUKTOR BAS MINI - BILANGAN KES KESALAHAN/KEKASARAN**

**16. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa banyakkah kes kesalahan pemandu-pemandu dan konduktor-konduktor bas mini yang melakukan kekasaran terhadap penumpang-penumpang sejak tahun 1991 dan adakah mereka telah didakwa di mahkamah dan apakah usaha-usaha sedang dilakukan supaya mereka yang terlibat bersopan-santun semasa menjalankan perniagaan mereka.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi menjawab soalan bagi pihak Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan kes pemandu-pemandu dan konduktor-konduktor bas mini yang melakukan kesalahan tidak sopan dan kekerasan terhadap penumpang-penumpang sejak tahun 1991 adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Kes:</b>
1991	- 59
1992	- 23
1993	- 80
1994 (dari Januari hingga Mac) (tiga bulan yang pertama)	- 23

Kesalahan-kesalahan ini pada amnya adalah terhad kepada tutur kata dan isyarat badan. Ianya tidak termasuk kekerasan fizikal yang dilakukan ke atas penumpang. Kes-kes sedemikian adalah dilaporkan kepada Polis untuk tindakan selanjutnya. Tindakan yang diambil oleh Jabatan Pengangkutan Jalan ke atas pesalah-pesalah adalah mengkompaun kesalahan atau menggantung lesen vokasional mereka atau menahan bas mini selama satu bulan.

Usaha-usaha untuk memperbaiki perkhidmatan pemandu dan konduktor bas mini termasuklah:-

- (i) Memberi ceramah kepada bakal pemandu dan pemandu bas mini;
- (ii) Memberi penekanan kepada mutu perkhidmatan terutamanya disiplin pemandu dan konduktor semasa bermesyuarat atau berdialog dengan Persatuan Pengusaha Bas Mini.
- (iii) Mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap pesalah-pesalah yang terbabit.

**PROJEK PERUMAHAN - PENYEDIAAN KEMUDAHAN ASAS KEMASYARAKATAN**

**17. Tuan Shahiruddin bin Ab. Moin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan setiap projek perumahan dan kemudahan asas seperti pusat komuniti aktiviti masyarakat dapat diadakan kerana menghindar dari budaya lepak.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Osu bin Haji Sukam]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan setiap projek perumahan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas, Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan piawaian rancangan perumahan yang menentukan kemudahan-kemudahan asas minimum.

Di antara kemudahan-kemudahan masyarakat dan sosial yang perlu diadakan ialah kedai, surau atau tempat ibadat, dewan serbaguna atau balai raya bagi jumlah penduduk minimum di antara 200 hingga 1,000 dan kawasan-kawasan lapang seperti lot permainan bagi kanak-kanak bawah umur persekolahan dan padang permainan bagi kegiatan permainan untuk kanak-kanak dan belia.

Walau bagaimanapun, penyediaan kemudahan-kemudahan ini tidak menjamin terhapusnya sifat-sifat negatif masyarakat kerana banyak lagi faktor sosial dan persekitaran yang menentukan budaya masyarakat.

**SISTEM PERBANKAN TANPA FAEDAH -  
JUMLAH INSTITUSI KEWANGAN TERLIBAT**

**18. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) setakat ini berapakah jumlah bank yang terlibat dengan sistem perbankan tanpa faedah; dan
- (b) apakah perbezaan dan faedah menarik antara sistem kewangan konvensional dan sistem kewangan Islam.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Mustapa bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat ini sebanyak 23 institusi kewangan terdiri daripada 13 buah bank perdagangan, 8 buah syarikat kewangan dan 2 buah bank saudagar telah menyertai Skim Perbankan Tanpa Faedah. Sehingga akhir April lalu sebanyak RM678.02 juta deposit telah dapat dikumpulkan di bawah SPTF yang melibatkan 79,801 pelanggan berbanding dengan deposit berjumlah RM545.30 juta yang melibatkan 72,413 pelanggan pada 31 Mac 1994.

- (b) Secara asasnya perbezaan antara sistem kewangan konvensional dengan sistem kewangan Islam ialah elemen faedah di sektor pelaburan yang diceburi oleh institusi kewangan yang berkenaan. Di bawah sistem kewangan Islam, ia mengamalkan konsep perkongsian keuntungan dan pelaburan yang akan disertai oleh institusi kewangan, adalah merupakan pelaburan di sektor-sektor yang tidak menyalahi hukum syarak.

Di antara kelebihan-kelebihan SPTF berbanding dengan sistem kewangan konvensional adalah seperti berikut:

- (i) bayaran keseluruhan pembiayaan adalah ditetapkan dan tidak berubah walaupun kadar pinjaman asas institusi kewangan berkenaan mengalami turun-naik. Dengan demikian, peminjam tidak menghadapi risiko membayar lebih apabila kadar pinjaman asas itu meningkat; dan kedua, pendeposit berpeluang mendapat jumlah dividen yang lebih, sekiranya institusi kewangan berkenaan mendapat pulangan yang lebih.

**KOLEJ PERUBATAN DI INDIA - PENGIKTIRAFAN KERAJAAN**

**19. Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) nama kolej-kolej perubatan di India yang diiktirafkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan bolehkah JPA enggan mengiktirafkan sesuatu kolej yang ditetapkan oleh Kementerian; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan Jabatan Pelajar-pelajar Malaysia atau Malaysian Students Department di India untuk membantu dan membolehkan pelajar-pelajar menerima maklumat yang benar mengenai perkembangan semasa di negara kita.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Terdapat lebih daripada 44 buah kolej perubatan di India yang diiktiraf oleh Kerajaan pada masa ini. Soal sama ada boleh atau tidak Jabatan Perkhidmatan Awam enggan mengiktiraf sesuatu kolej yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian adalah tidak berbangkit kerana kuasa untuk mengiktiraf sesuatu kelayakan adalah terletak di bawah Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan pihak JPA menjadi Urusetia kepada Jawatankuasa tersebut.
- (b) Kementerian Pendidikan belum mempunyai cadangan untuk menubuhkan semula jabatan penuntut Malaysia di India, kerana segala urusan pelajar-pelajar Malaysia di India masih boleh dikendalikan oleh Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di India, termasuk membantu pelajar mendapatkan maklumat serta perkembangan semasa mengenai Malaysia.

**KEMALANGAN JALAN RATA - LANGKAH MENGURANGKAN**

**20. Puan Rosalind Yau Shuk Meng** minta Menteri Pengerahan menyatakan tentang kadar kemalangan jalan raya yang masih dikatakan tinggi di Malaysia. Adakah pihak Kementerian telah menjalankan kajian dan penyelidikan secara mendalam tentang punca-punca berlakunya kemalangan. Dan kalau ada, pihak manakah yang menjalankan kajian itu, apakah hasil kajian dan apakah cara mengatasinya.

**Tuan Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, tahap kemalangan jalan raya di Malaysia dikatakan tinggi jika berbanding dengan negara-negara maju. Kajian dan analisa mengenai punca berlakunya kemalangan adalah dijalankan oleh pihak Polis Diraja Malaysia, di mana hasil kajian menunjukkan bahawa faktor kemanusiaan adalah merupakan penyebab utama berlakunya kemalangan jalan raya. Faktor kemanusiaan yang meliputi memandu dengan cuai, memandu laju, memotong selekoh merbahaya dan sebagainya adalah merupakan sebanyak 95% daripada jumlah keseluruhan kemalangan jalan raya bagi tahun 1992.

Bagi tujuan mengurangkan kemalangan, Kerajaan akan terus mengambil tindakan seperti yang berikut:

- (i) menjalankan kempen kesedaran mengenai keselamatan jalan raya sepanjang tahun melalui berbagai media serta kempen-kempen khas di musim-musim perayaan;
- (ii) menerapkan kesedaran keselamatan jalan raya di kalangan murid-murid sekolah melalui pendidikan ko-kurikulum;

- (iii) memperkenalkan Kurikulum Baru Sekolah Memandu bagi mewujudkan pemandu-pemandu yang lebih berhemat;
- (iv) menggalakkan penganjuran kursus-kursus memandu berhemat bagi mempertingkatkan kecekapan pemandu-pemandu kenderaan awam dan kenderaan berat;
- (v) mengkaji dan mengemas kini perundangan dan peraturan lalu-lintas; dan
- (vi) memperhebatkan penguatkuasaan undang-undang lalu-lintas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.21 hingga 52 akan dimasukkan dalam naskah bercetak kelak]**

## USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik Yang di-pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parliraen, memohon ampun persembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dcwan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan Terima Kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kelapan." [10hb Mei, 1994]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hanipah Ahmad, sila sambung ucapan.

**3.34 ptg.**

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk meneruskan ucapan saya yang telah diberhentikan pada jam tepat 6.30 petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun hari ini 11hb Mei, 1994, tetapi ucapan saya, saya akan tumpukan sedikit pada tarikh 10hb Mei, kerana saya memandang 10hb Mei adalah suatu hari keramat pada Malaysia dalam hubungan di peringkat antarabangsa. Seperti mana yang kita sudah dimaklumkan, pada tarikh 10hb Mei, seorang pejuang yang telah 25 tahun dipenjarakan oleh pihak yang berkenaan telah dapat

mengembalikan balik dasar dan perjuangannya. Kita telah difahamkan bahawa orang yang telah dipenjarakan selama 25 tahun itu, pada 10hb Mei, 1994 telah dipilih sebagai Presiden sebuah negara di Afrika Selatan untuk memimpin negara yang beliau telah memperjuangkan bagi tiga dekad yang lalu.

Saya timbulkan perkara 10hb Mei ini kerana untuk mengingatkan balik generasi yang ada sekarang bahawa pencetusan terhadap dasar apartheid dalam tiga dekad yang lalu telah dicetuskan oleh seorang warga daripada Malaysia, iaitu bekas Perdana Menteri Malaysia, Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Ini menjadi satu kenyataan kepada dunia bahawa hasil daripada pencetusan seorang anak daripada keluarga raja telah melahirkan hasil yang begitu menfaat di seluruh negara, dunia dan khususnya kepada rakyat Kulit Hitam di Afrika Selatan. Kita berharap dengan terlantiknya Nelson Mandella sebagai Presiden, hubungan baik di antara Malaysia dengan Afrika Selatan akan dapat kita jayakan untuk kepentingan dua negara yang tersebut.

Berkaitan tarikh 10hb Mei lagi, setelah kita berjaya dalam mengembalikan kuasa Kulit Hitam di Afrika Selatan, pada malam 9hb Mei, jam 8.30 malam, seramai 35,000 yang mana angka yang ke 35,000 orang itu saya bilang, termasuk saya seorang di kalangan 35,000 yang berkenaan. Satu lagi perjuangan telah dicetuskan oleh seorang lagi warga daripada Malaysia iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia menyedarkan kepada dunia bahawa tindakan-tindakan yang kejam itu lambat-laun tidak akan melahirkan sesuatu yang baik untuk kepentingan dan keselamatan dunia seluruhnya.

Pada 10hb Mei, badan yang telah menganjurkan perhimpunan menentang keganasan Bosnia akan mengambil langkah-langkah untuk meneruskan perjuangan menegakkan keadilan masyarakat serantau, dan kita mengharapkan PBB akan terus mengusahakan supaya apa yang telah dijayakan tiga dekad yang lalu mengembalikan balik kekuasaan kepada Kulit Hitam di Afrika Selatan akan mendatangkan hasil, dan kita berharap semua rakyat Malaysia akan memberi sokongan yang seterusnya kepada PBB yang mula mengorak langkah untuk menjayakan usaha-usaha ini bukan sahaja di peringkat kebangsaan, seterusnya di peringkat antarabangsa.

Saya juga mengikuti kedua perjuangan yang telah dicetuskan, adalah berasal dari sebuah negara yang masa dahulu dikenalkan sebagai negeri Raja Bersiong. Kita mengucapkan syabas kepada negeri Raja Bersiong yang telah dapat melahirkan dua pejuang untuk menuntut keadilan kepada masyarakat dunia pada hari ini.

Bersampingan dengan itu juga, saya mengharapkan pihak Kerajaan akan memberi apa jua sokongan dan kerjasama dalam bentuk material dan moral supaya perjuangan BBB akan melahirkan atau menampakkan suatu kejayaan, setidak-tidaknya lebih cepat daripada tiga dekad yang telah diperjuangkan oleh bekas Perdana Menteri kita yang lalu iaitu Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra.

Saya percaya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mendapat kerjasama atau sokongan daripada semua golongan rakyat dan semua golongan negara-negara yang ingin kepada perpaduan, keselamatan dan keadilan kepada semua masyarakat di dunia ini dan kita percaya, dengan kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara Amerika, yang mana kita amat menghargai dan amat merasa bangga kerana bukan Perdana Menteri kita yang memohon untuk berjumpa dengan Presiden Clinton, tetapi President Clinton yang telah menghulurkan tangan menjemput Perdana Menteri untuk berjumpa dengan beliau bagi membincang beberapa perkara yang ada kaitan dengan dunia pada hari **ini**. Dan kita difahamkan satu daripada usaha yang telah diperbincangkan, termasuklah masalah Bosnia dan kita mengharapkan pencetusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini akan menampakkan satu kejayaan kepada dunia dalam masa yang singkat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit sebanyak atas Titah Ucapan DiRaja, yang ada kaitan dengan suasana ekonomi negara pada masa ini. Kita amatlah bertuah dengan ucapan tersebut yang mengatakan keadaan ekonomi Malaysia berada dalam keadaan yang

baik, elok dan Baginda berharapkan keadaan ekonomi ini akan berterusan buat selama-lamanya untuk kepentingan rakyat dan juga negara Malaysia.

Saya amat menghargai kepada usaha-usaha ini dan kita tidak dapat nafikan bahawa usaha-usaha ini adalah kaitan daripada usaha-usaha yang telah dijalankan atau diusahakan oleh pemimpin-pemimpin negara termasuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sendiri. Kita amat bertuah serta tidak dapat menafikan, kerana kita mempunyai bukti-bukti bahawa kenikmatan kemewahan negara bukan sahaja dinikmati oleh warganegaranya sendiri, kemewahan negara juga tumpang dirasai oleh warganegara-warganegara yang ada berdekatan dengan negara Malaysia, sama ada kehadiran warga-warga ini dengan cara sah atau tidak sah. Mereka datang ke negara kita, kerana negara kita adalah sebuah negara yang makmur dan mereka boleh menumpang untuk mendapatkan sedikit sebanyak hasil daripada kekayaan negara kita Malaysia. Kita berharap pihak Kerajaan akan terus menggunakan apa jua budi bicara bagi membolehkan lebih ramai lagi pelabur-pelabur datang untuk melabur di negara kita ini.

Dengan kemasukan pelabur-pelabur asing, maka masalah pengangguran di kalangan belia-belia atau masalah budaya lepak, saya percaya akan dapat diatasi dari masa ke semasa. Walau macam mana sekalipun, saya mengharapkan pihak Kerajaan haruslah memerhati dengan lebih elok lagi tentang kehadiran pelabur-pelabur asing tersebut yang mana ada kita mendengar teguran-teguran daripada pihak-pihak yang berkenaan, bahawa mereka masih lagi tidak cuba memindah hasil-hasil teknologi moden ini kepada penduduk-penduduk tempatan di negara kita.

Ini amat mendukacitakan dan saya mengharapkan pihak Kerajaan patutlah prihatin di atas perkara ini kerana hasil daripada kekayaan negara ini dapat dinikmati oleh pelabur-pelabur asing dan hasil daripada ini patutlah diperturunkan balik kepada warga-warga dari negara Malaysia dan saya mengharapkan pihak Kerajaan, kalaulah boleh bersesuaian cuba membawa lebih banyak lagi pelabur-pelabur dari negara-negara Islam. Kerana kita memahami negara-negara Islam amatlah kaya dengan ekonomi pasaran wang dan ini amatlah bersesuaian dengan satu dasar baru Kerajaan untuk mewujudkan pasaran-pasaran kewangan yang berasaskan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan masuk kepada fasa pendidikan. Seperti mana yang kita faham, masalah pendidikan mula menjadi satu virus, jika kita tidak mengawasi dengan begitu baik dan sempurna kita takut masalah pendidikan tidak akan mencapai matlamat yang dicita-citakan oleh Kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai pusat pendidikan antarabangsa. Dalam semakan saya, sekarang telah menampakkan masalah-masalah yang ada hubung kait dengan sistem pendidikan di negara kita.

Di antara masalah-masalah yang dapat saya ikuti, satu di antaranya adalah masalah disiplin. Kedua, masalah pengajian swasta ataupun universiti-universiti kembar. Ketiga, masalah dalaman di universiti-universiti di negara kita, yang mana kita telah dimaklumkan oleh seorang Yang Berhormat iaitu mulai sekarang telah mula berlaku plagiat untuk menentukan kenaikan pangkat di dalam universiti-universiti tempatan di negara kita. Keempat, adalah masalah MSD di negara-negara yang mana terdapat ramai pelajar-pelajar dari Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mengatakan pihak Kementerian Pendidikan tidak ada kemampuan ataupun keupayaan untuk mengatasi sebahagian daripada masalah-masalah yang telah saya katakan tadi dan kalau ada usaha-usaha untuk mendapatkan pandangan dan nasihat dari badan-badan lain atau dari cendekiawan-cendekiawan pendidikan di negara kita, yang mana saya percaya cendekiawan-cendekiawan ini boleh membantu pihak Kementerian Pendidikan ke arah menyelesaikan sedikit, walaupun tidak sepenuhnya masalah-masalah yang saya perturunkan tadi.

Pada pandangan saya telah sampai masanya pihak Kementerian Pendidikan mendapatkan nasihat dan pandangan dari cendekiawan pendidikan di negara kita dan saya berpendapat satu konsortium pendidikan diwujudkan oleh pihak Kerajaan bagi membantu Kementerian Pendidikan mencari atau menyelesaikan masalah-masalah yang ada kaitan dengan sistem pendidikan di negara kita **ini**. Saya berpendapat jika konsortium ini ditubuhkan, cendekiawan pendidikan yang amat bersesuaian, di antaranya adalah terdiri daripada Prof. DiRaja Ungku Aziz, Prof. Dr. Awang Had Saleh dan Prof. Khoo Kay Kim dan mungkin ramai lagi cendekiawan pendidikan yang tidak dapat saya sebutkan dan saya mempercayai pihak Kerajaan akan tetap mendapat sokongan daripada cendekiawan-cendekiawan pendidikan yang ada di negara kita pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, setelah negeri Sabah dikembalikan pemerintahannya kepada Kerajaan Barisan Nasional, kita telah mendapat faham satu daripada tujuan atau matlamat meningkatkan sistem pendidikan di negara kita ini ialah dengan mewujudkan sebuah lagi universiti di Sabah. Saya amatlah mengalu-alukan keazaman Kerajaan untuk menubuhkan sebuah lagi universiti di Sabah demi kepentingan pendidikan khususnya kepada generasi ataupun kepada rakyat yang tinggal di negeri Sabah yang telah dikembalikan pemerintahannya balik kepada Kerajaan Barisan Nasional. Kita mengharapkan pula rakyat Sabah atau Kerajaan Sabah akan mengambil tindakan yang seberapa segera untuk menyediakan kemudahan-kemudahan bagi membolehkan universiti ini dapat didirikan dengan seberapa cepat yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kesejahteraan dan perpaduan rakyat di negara kita. Kita semua rakyat memahami perpaduan kaum atau masyarakat amatlah perlu wujud dalam sesebuah negara. Sebuah negara yang tidak ada perpaduan masyarakatnya seperti mana yang sedang berlaku di beberapa negara di dunia ini amatlah menyayat hati kita apabila kita dapat melihat menerusi pancaran televisyen ataupun pancaran dari parabola yang telah disiarkan kepada dunia dari satu masa ke satu masa. Kita mengharapkan peristiwa yang sebegini tidak akan berlaku di negara kita dan pihak Kerajaan haruslah terlebih awal lagi mengambil langkah-langkah supaya perpaduan negara dapat dipereratkan lagi dan diperbetulkan di mana ada kelemahan-kelemahan

yang boleh membawa ketidakadanya perpaduan di negara kita yang berkenaan.

Oleh yang demikian, saya memahami ada pihak-pihak yang boleh membantu ke arah mengeratkan atau mewujudkan perpaduan di negara kita ini dan saya mengharapkan pihak Kerajaan khususnya Kementerian yang berkenaan dengan perpaduan masyarakat dapat menghayati, menilai ataupun menyemak sama ada prinsip Rukunegara patutlah diketengahkan kepada masyarakat sebagai asas mengeratkan lagi hubungan kaum atau hubungan masyarakat dengan masyarakat di negara kita.

Saya percaya kaedah-kaedah atau hala cara bagaimana ianya dapat dilaksanakan boleh diambil oleh pihak Kementerian Penerangan yang mana Menterinya, Yang Berhormat Dato' Mohamed Rahmat seorang Menteri yang begitu berkaliber dan begitu berupaya untuk mereka budi bicara atas cara-cara ke arah yang boleh membawa perpaduan kaum di negara Malaysia yang kita sayangi ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar banyak rungutan pada tahun ini tentang peranan atau tugas yang telah dimainkan oleh pihak LUTH ataupun Lembaga Urusan dan Tabung Haji berkaitan dengan keberangkatan jemaah-jemaah haji untuk menunaikan rukun Islam dan juga saya amat berdukacita kerana telah ada sungutan-sungutan daripada rakyat yang mengatakan sekarang LUTH tidak lagi mementingkan rakyat yang miskin dan mereka mulai mementingkan untuk menjadi korporat setanding dengan korporat-korporat lain yang sedang ada di negara kita ini.

Saya berpendapat, pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji walau apa sekalipun usaha akan dibuat janganlah lupa kepada penubuhan asas Tabung Haji di antaranya adalah untuk memberi kemudahan kepada masyarakat Islam untuk menunaikan haji. Kita memahami masyarakat di kampung-kampung telah mengorbankan kewangan mereka dengan mengadakan potongan-potongan dari sebulan ke sebulan dan mempunyai satu jangka masa yang agak lama untuk mereka dapat menunaikan fardu haji dan sekarang dengan sistem yang baru kita difahamkan ada ketinggalan kepada kaedah atau asas penubuhan Tabung Haji bagi memudahkan golongan masyarakat bawahan untuk menunaikan haji.

Saya amat mengharapkan supaya kaedah ini dapat diperbetulkan oleh Tabung Haji. Kita telah mendengar alasan-alasan terhadap perkara ini dan satu daripada alasan yang telah disarankan adalah perkara yang ada kaitan dengan kuota yang telah ditetapkan oleh OIC kepada negara-negara Islam, kepada rakyatnya untuk menunaikan haji di Tanah Suci dan saya rasa pihak Kerajaan patutlah mengambil langkah-langkah untuk mengemukakan masalah ini kepada OIC bagi membolehkan kuota yang telah ditetapkan kepada negara kita dapat dipertingkatkan dari satu masa ke satu masa.

Walau bagaimanapun, seperti mana yang dimaklumkan kepada kita hari kelmarin mengatakan seorang putera dari Kerajaan Saudi Arabia telah turun ke negara kita untuk menerangkan sebab musababnya kuota-kuota itu tidak boleh ditambah bagi membolehkan umat Islam di negara kita menunaikan haji. Saya amatlah hairan dan mengharapkan

kalau boleh, tidaklah putera dari negara Arab Saudi turun kerana kita yang jemohon, kita yang hendak mengemukakan satu rayuan dan saya berpendapat satu cara yang lebih elok biarlah orang-orang yang mempunyai kaliber, yang mempunyai keupayaan turun ke negara Saudi Arabia untuk mengemukakan atau memohon supaya kuota ini dapat diperbetulkan atau dipertingkatkan dari satu masa ke satu masa.

Di antara orang-orang atau pemimpin-pemimpin yang pada sayalah setelah saya membuat satu kajian dan semakan, Timbalan Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, seorang yang pada masa dulu kalanya mempunyai satu 'rapport' yang baik dengan negara-negara Islam termasuk Kerajaan Saudi Arabia dan saya percaya kalaulah Kerajaan dapat meminta satu kerjasama daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya berpendapat masalah ini akan dapat diselesaikan bagi membolehkan ramai lagi jemaah dari negara Malaysia untuk menunaikan haji.

Saya mengemukakan perkara ini adalah dengan tujuan yang ikhlas, tidak pula memperkecilkan kemampuan dan keupayaan pemimpin-pemimpin yang lain selain daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Dan saya percaya pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji patutlah mengambil satu perubahan sikap bagi membetulkan masalah kuota bagi negara Malaysia bagi membolehkan rakyat di negara ini menunaikan haji yang lebih daripada kuota yang ditetapkan di tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan kepada soalan-soalan bagi Jawab Mulut ada juga soalan-soalan yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan dan di sini saya juga ingin menyarankan kepada Kementerian yang berkenaan supaya perkhidmatan MAS di antara Kuala Lumpur-Alor Setar Alor Setar-Kuala Lumpur diubah jadual penerbangannya. Saya memandangkan penjadualan masa 6.30 pagi Alor Setar-Kuala Lumpur amatlah tidak bersesuaian.

Saya memperkatakan begini kerana ada rungutan-rungutan yang mengatakan masa ini tidak sesuai disebabkan sangatlah suntuk bagi masyarakat Islam untuk menunaikan sembahyang fardu Subuh kerana kadangkala waktu Subuh adalah lebih lewat dan berdekatan dengan masa penerbangan 6.30 pagi. Saya mengharapkan satu penjadualan penerbangan baru dapat dibuat kerana ada pandangan-pandangan yang telah disarakan masa 6.30 pagi diubah kepada 6.45 pagi bagi membolehkan masyarakat Islam atau orang-orang Islam menunaikan sembahyang fardu Subuh dengan lebih sempurna atau orang Perlis kata, "Tidak payah gelut-gelut sangat".

Yang kedua, saya juga ingin menyarankan kepada pihak Kementerian Pengangkutan kepada satu skim baru yang diperuntukkan kepada warga tua. Di sini ditakrifkan "warga tua" adalah mereka yang berumur lebih daripada lingkungan 55 tahun. Saya telah menyemak ada prasyarat-

prasyarat yang telah ditentukan kepada masyarakat warga tua tetapi saya berpendapat kaedah itu haruslah diperbetulkan. Kerana untuk menghayati masyarakat penyayang kadangkala warga tua ini mempunyai anak-anak atau keluarga yang tinggal di merata tempat di seluruh Malaysia. Saya memperkatakan perkara ini, satu daripada prasyarat yang telah dikemukakan bagi membolehkan para warga tua ini mendapat kemudahan perkhidmatan MAS adalah mengemukakan permintaan seminggu dahulu daripada tarikh penerbangan dan ada lain prasyarat yang telah dipertentukan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Saya memandang ini tidak lagi bersesuaian dan jika boleh prasyarat ini diperbetulkan bagi membolehkan warga tua mendapat perkhidmatan MAS bila-bila masa yang diperlukan oleh mereka sendiri kerana ini amatlah perlu untuk kita menghayati kepada satu slogan yang kita sama-sama perjuangkan bagi negara kita mewujudkan masyarakat penyayang atau mendekatkan lagi hubungan keluarga dengan keluarga. Saya percaya jika ini dapat diperbetulkan, ramai lagi warga-warga tua yang akan menggunakan khidmat MAS dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh perkara yang ada kaitan dengan CCB iaitu Co-operative Central Bank. Saya telah menerima satu jawapan bertulis hasil daripada Soalan Jawab Mulut saya yang memaklumkan CCB sehingga 31hb Ogos 1993 mempunyai seramai 167,600 pendeposit dan juga penyimpan saham dalam CCB. Saya mengemukakan masalah ini kerana memandangkan di antara pendeposit-pendeposit yang berkenaan termasuk juga koperasi-koperasi yang dimaklumkan ada sebanyak 265 buah koperasi yang memiliki saham berjumlah RM46.26 juta dalam CCB.

Saya mengharapkan pihak Kerajaan akan mengambil langkah-langkah bagi membolehkan koperasi-koperasi ini mendapat balik saham-saham yang telah dilaburkan ke dalam CCB dan saya mempercayai dan difahamkan pada kenyataan akhbar pada hari ini, satu badan yang dikenali sebagai Latex Process Rubber Bhd. akan cuba mengambil alih CCB bagi menegakkan balik kegiatan-kegiatan CCB dalam pasaran saham di negara kita sekarang ini. Saya juga mengharapkan pihak Kerajaan akan mengambil perhatian supaya perkara yang ada kaitan dengan koperasi yang terlibat dalam CCB akan diambil tindakan bagi membolehkan semua saham-saham itu dikembalikan kepada koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan pihak Kerajaan akan dapat meneruskan lagi usaha-usaha bagi menjadikan negara Malaysia sebuah negara yang maju, sebuah negara yang makmur, sebuah negara yang mempunyai visi bagi mencapainya cita-cita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita harapkan semua ini akan tercapai bila menjelang tahun 2020. Inilah harapan saya dan saya mengharapkan Malaysia akan terus maju, makmur, semua rakyatnya akan dapat hidup dalam keadaan yang baik, suasana yang sempurna untuk kesejahteraan negara Malaysia sendiri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan V. Saravanan.**

**4.08 ptg.**

**Tuan V. Saravanan Veliaudayar:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk berucap di Dewan yang mulia ini bagi kali yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ada beberapa hujah dan saya akan juga menyentuh sedikit sebanyak di atas Titah Ucapan DiRaja. Yang pertamanya ialah tentang pembangunan negara kita. Di atas seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita sayangi, beliau telah sentiasa mementingkan dan juga telah membuat seruan demi seruan tentang Wawasan 2020, di mana beliau telah menitikberatkan tentang keharmonian, tentang kesejahteraan pada anak-anak kita di masa hadapan.

Salah satu jalan ataupun salah satu langkah yang patut dan wajar kita ambil ialah kekukuhan ekonomi negara kita. Kalau pada masa sekarang, seluruh dunia pandang kita dan juga menghormati kita, bukan kerana lain, bukan kita ada pengeluaran ataupun penghasilan yang baik tetapi kerana kekukuhan kekayaan kita dan juga kestabilan politik kita. Jadi, satu perkara yang amat perlu ialah kestabilan ekonomi negara kita. Dengan seruan daripada pucuk kepimpinan kita, kita telah buat banyak pembangunan, pembukaan perkilangan, pen-swastaaan dan juga lain-lain.

Di sebelah utara pula, kerana saya berasal dari negeri Kedah ini, kita ada banyak kawasan-kawasan perindustrian, kawasan-kawasan perkilangan dan juga industri-industri gergasi seperti Perwaja - "steel rolling mill". Apa yang saya hendak mengambil, perhatian di Dewan yang mulia ini ialah kita memang mengalu-alukan perindustrian ini maju tetapi akibat pengambilan tanah untuk pembukaan kilang ini adalah menimbulkan akibat buruk, tanpa mengira nasib pekerja-pekerja peladangan, tanpa mengira masa depan anak cucu mereka. Pengambilan tanah sedemikian ini tidaklah patut. Apa yang patut kita buat ialah kita mengadakan satu kajian pada keseluruhan di mana semua pekerja-pekerja dan juga orang-orang yang bermastautin di sana supaya masa depan mereka terjamin. Sekurang-kurangnya mereka mesti diberikan

jaminan untuk mengadakan sebuah rumah ataupun satu pekerjaan yang tetap untuk masa depan mereka. Apa yang mereka dapat ialah hanya ganti rugi. Ganti rugi ini pun jumlahnya hanya mencukupi untuk membiayai 5 orang untuk dua-tiga bulan sahaja. Apa akan terjadi pada masa hadapan dan masalah persekolahan anak-anak mereka.

Jadi, saya merayu dan juga menyarankan kepada Dewan yang mulia ini, sebelum kita membuat atau mengambil tanah-tanah sedemikian ini untuk kemajuan sesuatu pihak — sama ada Kerajaan ataupun swasta — supaya kita menjamin ataupun sekurang-kurangnya kita mengambil kira pekerja-pekerja yang mendiami di kawasan-kawasan tertentu supaya mereka dapat pampasan yang lumayan dan juga yang berpatutan.

Satu lagi masalah yang kita hadapi akibat pengambilan kawasan-kawasan perladangan ini ialah pekerja-perkerja ini terpaksa keluar dari ladang, berhijrah ke pekan. Di situ mereka boleh juga memiliki, kalau mampu, sebuah rumah kecil, kerana sekarang ini semua rumah-rumah kos rendah pun seperti disarankan oleh Kerajaan bukan harga RM25,000 lagi. Lebih tinggi daripada harga kawalan kos. Kos pembinaan sudah tinggi, harga rumah pun tinggi pula. Jadi, mampukah pekerja-pekerja yang pergi ke pekan ini membeli rumah kos, yang begitu mahal, apa yang kita katakan "medium cost houses", dengan izin. Walau pun mereka beli ataupun menyewa akibat kepada pendidikan kanak-kanak selama ini mereka duduk di kawasan perladangan, mereka boleh mengikuti sekolah bahasa ibunda. Tetapi apabila datang ataupun berhijrah ke pekan, tempat kekosongan di sekolah-sekolah yang wujud khasnya sekolah-sekolah Tamil yang wujud di kawasan bandar tidak mengizinkan mereka menyambungi pelajaran mereka. Jadi, terpaksa mereka ke sekolah-sekolah aliran yang lain. Jadi, ini

jadi satu gangguan yang besar. Jadi, sebelum kita mengambil alih tanah **ini**, sebelum kita membuka kawasan perindustrian, pihak yang tertentu mestilah mengkaji sedalam-dalamnya masalah-masalah yang akan dihadapi oleh pihak pekerja di ladang-ladang lain.

Lagi satu masalah yang dihadapi sekarang ialah pengambilan buruh asing. Kita memang tahu kita memerlukan tenaga asing untuk kawasan-kawasan perkilangan, kawasan-kawasan perindustrian dan juga di perladangan. Ramai buruh asing yang datang ke negeri ini bukan mereka datang ke sini sekadar untuk mencari makan. Cara mata pencarian mereka ialah untuk kerja di kilang-kilang, di kawasan perladangan, maka problem sosial mereka telah timbul, Apakah problem sosial mereka? Apakah masalah sosial mereka? Apabila mereka datang ke sini bukan semua datang dengan keluarga. Datang bujang. Jadi, mereka cari pasangan di sini. Bila cari pasangan, dapat juga anak. Apakah akan menjadi kepada anak-anak mereka? Sekarang masalah ini ada, mungkin kecil-kecilan. Mungkin tidak diketahui oleh pihak berkuasa. Tetapi satu hari kelak apabila permit mereka itu sudah cukup tempoh, terpaksa mereka pergi ke negeri masing-masing. Apa akan terjadi kepada isteri atau anak yang ditinggalkan itu? Dahulu pada satu masa, kita ada mengalami perkara macam ini. Sebab itu sekarang saya menyeru supaya pihak atasan, khasnya Kementerian Dalam Negeri, supaya mereka mesti berwaspada. Berwaspada, walau pun ini masalah kecil, satu masa akan menjadi bahaya.

Kita tidak tahu, pasal nampaknya ini bukan terhad kepada pekerja-pekerja dari Bangladesh. Mereka nampak senyap, orang biasalah, orang India juga. Datang ke sini, masuk dalam ladang dan kahwin. Kahwin sah atau tidak sah, tidak tahu. Tetapi nampaknya orang Muslim pun ada. Jadi, masalah sosial ini kita kena awasi.

Lagi satu, di kawasan perladangan pula, dulu semasa Perdana Menteri kita Allahyarham Tun Abdul Razak, ada satu rancangan yang dinamakan sebagai Rancangan Buku Hijau, di mana tuan punya tanah, walaupun dia mempunyai kawasan luas atau pun kawasan sempit, terpaksa beliau mengagihkan 1/16 ekar tanah untuk tiap-tiap keluarga yang bermastautin di ladang yang tertentu untuk bercucuk tanam. Dengan adanya rancangan ini, dulu apabila undang-undang ini dikuatkuasakan, pihak majikan dengan rela memberi kawasan tertentu dan dia mengagihkan kawasan. Tetapi lama-kelamaan, kawasan-kawasan yang diagihkan untuk membuat tanaman itu, diambil alih, diambil balik pula oleh pihak majikan. Apabila tanaman semula dibuat, dia tanam semua.

Jadi, ini adalah satu perkara yang patut kita memberi perhatian, khasnya Kementerian berkenaan supaya orang-orang yang berpendapatan rendah itu dapat bercucuk tanam, menanam sayur, boleh juga membela ayam di kawasan-kawasan itu seperti mana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri Pertanian tadi, ada kekurangan daging ayam semasa musim perayaan. Tadi Yang Berhormat Tuan Hanipah pun sudah kata dia kena mengadakan seekor ayam yang boleh bertelur lebih daripada satu pada satu masa. Jadi, dengan pengamalan sistem Rancangan Buku Hijau ini, mungkin kekurangan sedemikian ini dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Baginda tempoh hari, Baginda ada menyebut tentang kesihatan. Kesihatan itu adalah sangat-sangat penting dan perlu kepada kita. Kalau tidak sihat, saya tidak akan berdiri di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Jadi, kesihatan itu adalah kekayaan. Untuk menjaga kesihatan, kita perlu memberi perhatian yang serius tentang hospital-hospital. Sebelum kita mengubati ataupun kita mencari ubat untuk sesuatu penyakit, kita mesti kena ada tempat-tempat perubatan supaya apabila ada orang jatuh sakit, si mangsa itu boleh dibawa ke tempat-tempat ini.

Di kawasan luar bandar, khasnya di kawasan perladangan, ada hospital-hospital yang dibiayai oleh pihak ladang, di mana lima atau enam ladang ini mempunyai seorang doktor yang dinamakan Visiting Medical Officer (VMO), dengan izin. Tugas VMO ini ialah untuk memastikan sama ada pekerja ini layak untuk bekerja atau tidak. Kalau dikatakan tidak sakit, walaupun dia demam, terpaksa dia pergi kerja - dia tidak boleh bersuara. Jadi, ini sudah menjadi satu masalah pula. Walaupun itu luar daripada bidang kuasa kita, itu swasta. Tetapi kesihatan warganegara ini bukan lagi hanya ditanggung oleh pihak pemilik tanah, pihak pengurus tanah, ataupun tuan punya tanah. Ini sudah menjadi satu masalah Kerajaan.

Apabila kita ada pilihanraya sama ada lima tahun atau empat tahun sekali, baru kita boleh melihat Wakil Rakyat atau bakal-bakal calon atau bakal-bakal Yang Berhormat masuk dalam ladang-ladang, tanya macam **itu**, macam **ini**, semua dia buat. Lepas **itu**, tidak **ada**. Tetapi itu

bukan dari Dewan inilah, dia masuk dalam Dewan lain. [Ketawa] Dewan ini tidaklah. Jadi, selepas itu tidak nampak muka. Hendak pergi berjumpa dengan pihak majikan pun tidak. Sanggupkah kita mengorbankan jiwa mereka? Siapa yang bertanggungjawab? Keperluan mereka itu bukan hanya untuk pilihanraya sahaja - sepanjang tahun.

Jadi, saya merayu kepada Kementerian berkenaan - mungkin Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan ataupun Kementerian Pembangunan Luar Bandar - buat sesuatu untuk mengambil alih semua pusat-pusat perubatan yang masih wujud dan masih mempunyai standard piawaian lebih kurang 50 tahun dahulu. Katil-katil yang masih ada itu pun tidak berbantal. Mereka menggunakan tangan sebagai bantal. Jadi, keadaan seperti itu tidak boleh wujud sekarang. Kita tidak boleh melaung-laung mengatakan kita sudah ke Wawasan 2020lah, itulah atau inilah. Walhal, kalau kita pergi ke ladang atau kawasan pedalaman, apa ubat yang kita dapat. Sakit perut pun yang itu sahaja. Sakit kepala pun yang itu juga. Sakit lutut pun macam itu juga. Jadi, apa yang kita dapat? Painkiller sahaja.

Jadi, saya berharaplah Kementerian, mungkin Kementerian Kesihatan boleh mengambil alih pentadbiran-pentadbiran yang menyebabkan kekurangan-kekurangan yang dihadapi oleh pekerja-pekerja perladangan **ini**. Pekerja-pekerja ini bukan terdiri daripada orang-orang India sahaja. Sekarang hanya 50% pekerja-pekerja perladangan ini terdiri daripada kaum keturunan India. Yang lain semua ada - orang Melayu ada, orang India ada, orang Bangladesh pun ada dan orang Indonesia pun ada. Jadi, itu semua kita punya tanggungjawab.

Jadi, saya harap pihak-pihak yang berkenaan dapat memenuhi kehendak-kehendak orang-orang yang ditinggalkan di belakang. Bukan sahaja dari segi kesihatan, tetapi juga dari segi keselesaan di tempat-tempat kediaman mereka **pun**. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ingin hendak tengok, lebih kurang tiga empat bulan yang lalu, Timbalan Menteri, Sumber Manusia, Yang Berhormat Dato' M. Mahalingam telah membuat satu lawatan mengejut ke sebuah ladang tanpa sebarang pengetahuan dari pihak majikan. Apabila dia masuk, dia telah melihat dengan matanya sendiri akan kedudukan sebenar.

Apa yang saya hairankan ialah pihak syarikat tuan punya tanah ini bukan lagi swasta (private), tetapi kepunyaan PNB, Jadi, apabila kita menghadapi keadaan sedemikian di ladang, macara mana hasil kita? Apa akan jadi kepada kanak-kanak yang berasal dari tempat itu? Tidak ada bilik yang berasingan. Ibu bapa pun tidur di sana juga. Anak pun tidur di sana juga. Cucu pun tidur di sana juga. Tak ada tempat berasingan. Jadi, dengan keadaan sedemikian **ini**, apabila kita dapat berjumpa Timbalan Menteri dari Kementerian Sumber Manusia **itu**, Yang Berhormat telah pun berbincang dengan pihak majikan, selepas 6 bulan, rumah kediaman sebanyak 60 buah telah pun didirikan.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kementerian-kementerian yang berkenaan kena lebih peka kepada keadaan-keadaan yang wujud, bukan sahaja di kawasan bandar. Kawasan bandar mungkin kita ada problem setingan, tetapi di kawasan ladang tidak ada setingan, tetapi kita ada segala kekurangan.

Tadi ada seorang Ahli Yang Berhormat telah menyoal Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos tentang projek Pergau. Kita memang dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas, seperti bekalan elektrik di bandar. Orang-orang setingan di bandar pun dapat kemudahan-kemudahan seperti ini, tetapi masih ada ladang-ladang, kawasan-kawasan pedalaman yang masih mencedok air dari telaga, mengambil air dari telaga - **ada**, parit-parit masih **ada**. Tetapi kita selalu dengar anggaran pembangunan daripada Kementerian itu berapa juta, daripada Jabatan Parit dan

Saliran sekian banyak, tapi peruntukan ini ke mana? Adakah orang-orang dari kawasan pedalaman ini terima segala kemudahan-kemudahan asas yang kita nikmati macam ini? Air-con tak payah sebutlah, sekurang-kurangnya ada kipas pun cukup. Jadi, saya merayulah kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya peka terhadap keadaan-keadaan yang wujud di kawasan-kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya merakamkan jutaan terima kasih dan juga penghargaan yang tidak ternilai kepada anggota Pasukan Keselamatan kita di bawah panji-panji pasukan di Bangsa-bangsa Bersatu yang telah pun mengorbankan masa dan juga ada sebilangan nyawa untuk mengharumkan nama negara kita. Bukan manusia biasa macam kita boleh memberi sebarang pahala kepada mereka, tetapi Tuhan. Jadi, marilah kita berdoa kepada Tuhan Yang Maha Kuasa supaya Pasukan Keselamatan yang berada dan bertugas di kawasan-kawasan tertentu itu dapat balik dengan selamat. Jadi, saya juga ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan juga penghargaan yang tidak terhingga kepada ketua-ketua pasukan ini yang telah mengorbankan masa dan tenaga untuk menjalankan tugas-tugas rasmi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin hendak bangkitkan di sini ialah tentang pendidikan. Amalan sistem pendidikan di negara ini adalah satu sistem yang sangat berkesan dan berproduktif serta diterima oleh semua lapisan masyarakat. Sistem pendidikan kita kalau dibandingkan sama ada sistem KBSMkah, KBSRkah, sistem ini amatlah penting, amatlah mustahak kepada generasi-generasi muda hari ini. Pada masa kita dalam kelas primary dulu, apa yang kita dapat

dulu dengan apa yang kita menikmati sekarang, anak-anak dan cucu-cucu kita yang menikmati sekarang ada perbezaan. Ini adalah hasil karya daripada perjuangan pemimpin-pemimpin kita. Walaupun negara kita sudah merdeka dekat 37 tahun, ada juga perbezaan di mana sistem pendidikan di negara kita ini sudah diselaraskan tanpa mengira aliran, sama ada di sekolah beraliran Cina, di sekolah beraliran bahasa Tamil atau di aliran bahasa Melayu. Pengajaran dan pembelajaran di sana itu adalah sama. Waktu yang diperuntukkan untuk tiap-tiap mata pelajaran pun sama juga. Guru yang mengajar di sekolah Tamil, di sekolah Melayu, semua gaji dia sama, semua sama.

Satu sahaja yang tak sama, apa dia? Itulah yang digelar 'Sekolah Kerajaan', dan satu lagi 'Bukan Kerajaan'. 'Sekolah Bantuan Penuh, dan satu lagi 'Sekolah Bantuan Modal'. Itu satu perkara yang menghairankan saya. Apakah ini 'bantuan modal'? Dari mana kita dapat istilah ini? Ini istilah dulu semasa Rahman Talib Report, Razak Education Report dulu, 30-40 tahun dulu, bukan sekarang. Tetapi yang wujud dulu, sampai sekarang masih ada. Apakah bezanya? Umur guru bersara, tak berbeza. Peraturan kenaikan pangkat guru, tak berbeza. Pegawai Kerani yang bekerja di semua sekolah sama gaji, tetapi sekolah itu dapat bantuan penuh, sekolah ini tak ada bantuan penuh, itu saya hairan.

Kalau kita bandingkan di seluruh tanah air kita **ini**, kita ada hanya lebih kurang 500 sekolah Tamil. Kebanyakan sekolah-sekolah ini, lebih 60% dari sekolah-sekolah ini terletak di kawasan-kawasan perladangan. Masa penjajah dulu, sekolah-sekolah ini dibiayai oleh tuan punya tanah. Tetapi apabila sudah diambil alih oleh pihak Kerajaan, sekolah itu masih wujud di tapak itu juga, seinci pun tak berganjak, di sana juga letaknya, tapi alam sekeliling itu sudah berubah. Jadi, siapa akan menjadi hak **milik** tanah itu? Pihak majikan kata, "Oh, ini saya tak tahu, pasal ini Kerajaan sudah dapat, Kerajaan ambil". Bila tanya kepada Kerajaan, Kerajaan kata, "Ini swasta, kita tak boleh buat apa kepada tanah itu".

Kalau kita berhasrat untuk memperbesarkan kawasan sekolah **itu**, sama ada pihak PIBG atau pihak Guru Besar kena membeli tanah **itu**. Ahli-ahli Yang Berhormat pun maklum PIBG sekolah di pedalaman, mampukah mereka membeli tanah?

Jadi, saya harap sesuatu patut dibuat, Kementerian Pendidikan mesti mengambil tindakan mengenai perkara **ini**. Jadi apakah tindakan yang akan diambil? Bagaimana caranya - itu saya tidak tahu. Apa yang saya maksudkan di **sini** ialah tidak boleh diasingkan, walhal kanak-kanak yang belajar di situ pun mesti menikmati segala kemudahan yang kita ada, mesti menikmati segala kemudahan-kemudahan yang asas seperti sekolah-sekolah yang lain, tetapi sekolah itu digelarkan sebagai 'bantuan modal' dan 'bantuan penuh'. Apabila murid-murid keluar dari sekolah sana, keluar dari sekolah **sini**, dua-dua memasuki sekolah yang lain, dia masuk ke sekolah peralihan. Di situ pula kita akan menghadapi satu masalah lain.

Sekarang ini kita banyak bercakap mengenai teknologi, teknologi memerlukan matematik, tanpa matematik teknologi akan gagal. Jadi, seorang kanak-kanak dari umur 7 tahun sehingga dia sudah tamat Darjah 6, lebih kurang umur 12 tahun. Dalam 6 tahun ini dia diberi peluang untuk mengambil mata pelajaran matematik, sebaik sahaja dia dimasukkan kelas yang digelarkan 'peralihan', 'peralihan' pula, tidak ada matematik. Mata pelajaran matematik tidak ada langsung. Jadi, setahun suntuk tidak ada, dahulu ada, sekarang sudah dihapuskan. Ini sudah menjadi satu masalah.

'The power of the retention', dengan izin, seorang kanak-kanak, apabila dia sudah belajar di Darjah 6, kalau dia sudah belajar tiap-tiap hari mungkin ada satu waktu atau dua waktu mata pelajaran matematik tetapi apabila dia masuk ke kelas peralihan - langsung tidak ada. Apa akan jadi? Dia lupa. Kalau ada ibu bapa yang sangat mementingkan mata pelajaran ini mungkin mereka beri tuisyen. Adakah semua ibu bapa mampu? Jadi, saya pun hairan mengapa mata pelajaran ini sudah diasingkan. Mata pelajaran matematik di kelas peralihan ini tidak **ada**. Saya berharap serta menyeru pihak Kementerian Pendidikan supaya dapat membuat sesuatu tindakan, mungkin dengan mengadakan sistem baru, di mana sekolah-sekolah dimulakan pada pukul 8.00 pagi dan tamat pada pukul 4.00 petang, jadi sesuatu haruslah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan wakil daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat tadi, kalau tidak silap saya tiga atau empat hari dahulu, saya telah membaca satu rencana dalam akhbar **The Star** yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim mengenai Projek Pembasmian Rakyat Termiskin (PPRT) ini. Rancangan ini sangat murni, sangat elok, sangat baik. Apa yang dirancang oleh pihak Kerajaan bukan untuk apa-apa, tetapi untuk kebaikan rakyat, rakyat yang berpendapatan rendah, golongan yang berpendapatan rendah untuk meninggikan taraf ekonomi mereka, kita memberi sedikit bantuan. Jadi, rancangan ini seperti Yang Amat Berhormat telah berkata

walaupun pihak Kerajaan tnerancang sesuatu, memperuntukkan sekian banyak untuk melaksanakan projek-projek sedemikian ini, demi kepentingan orang-orang yang berpendapatan rendah, apabila ini dilaksanakan di peringkat pelaksanaan ini, tidaklah begitu merauaskan. Beliau sendiri telah menyebut sebahagian besar peruntukan-peruntukan ini dikhaskan untuk memperhiaskan, mempercantikkan pejabat-pejabat atau kawasan-kawasan.

Saya menyeru kepada pihak yang berkenaan supaya Projek Pembasmian Rakyat Terraiskin (PPRT) ini dilaksanakan sepertimana kita dapat mencapai tujuannya. Apakah matlamat kita, apakah tujuan kita? Tujuannya adalah sangat murni, untuk menolong orang-orang miskin. Jadi, saya berharap Kementerian yang berkenaan mestilah berwaspada terhadap perkara ini, dan mereka mesti menitikberatkan lagi sama ada projek-projek ini dijalankan seperti yang dijadualkan kepada orang-orang yang betul-betul miskin ataupun ada saudara-mara kita yang 'buat-buat tidak ada'.

Jadi, saya harap perkara-perkara sedemikian ini mestilah diawasi. Apa yang menyedihkan ini, bulan demi bulan, tahun demi tahun hanya segolongan sahaja yang mendapat bantuan sedemikian. Saya sudah membuat permohonan, saya sudah jumpa pegawai, isi borang, tetapi implikasinya tidak ada. Jadi saya menyerulah supaya ber'liberal' sedikit. Agihkanlah kepada yang betul-betul miskin.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara mengenai pendidikan. Dalam budget baru-baru ini, saya difahamkan pemberian biasiswa dan

derasiswa ini oleh JPA telah meningkat kalau dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas. Tahun ini iaitu tahun 1994 hampir-hampir RM450 juta atau lebih, RM436 atau RM446 juta kalau tidak silap saya, dikhaskan untuk derasiswa dan biasiswa. Saya dengar sekarang ini hanya pinjaman diberikan, tetapi derasiswa dan biasiswa ini mestilah diagihkan kepada golongan-golongan yang berpendapatan rendah juga iaitu yang tidak mampu. Ada juga kanak-kanak kita yang mempunyai kelayakan yang tinggi tidak dapat sebarang ganjaran yang sedemikian **ini**. Jadi, dia merasa kecil hati. Dia kata, "**Hei**, kanak-kanak yang mendapat 4A itu mendapat derasiswa ini, saya mendapat 9A1, tetapi tidak dapat - pinjaman pun tidak dapat. Oleh itu, keadaan yang sedemikian ini kita kena berhati-hati dan saya harap JPA juga akan mengambil berat peruntukan ini supaya diagihkan dengan adil dan saksama.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Habshah binti Haji Osman.

**4.54 ptg.**

**Puan Hajah Habshah binti Haji Osman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk turut mengucapkan terima kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya memohon izin mengambil sedikit masa merakamkan di Dewan yang mulia ini ucapan setinggi tahniah dan rasa bangga saya di atas pengiktirafan pemimpin negara besar yang telah lama maju iaitu Presiden Bill Clinton kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dr. Mahathir Mohamad. Tidak pernah siapa termimpi bahawa pemimpin negara besar seperti USA mengiktiraf pemimpin negara yang sedang membangun dan mengakui kagum dengan kepimpinan beliau.

Saya petik dari **The Business Times** bertarikh 9.5.94, iaitu Bill Clinton, dengan izin, "to seek counsel and advise from the Prime Minister Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad on a number of important international and bilateral issues". Difahamkan juga bahawa lawatan tidak rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Perancis adalah di atas jemputan Perdana Menteri. Dan berita terakhir pagi tadi pula, jadual lawatan Yang Amat Berhormat ke negeri China dipinda semata-mata kerana beliau diundang khas oleh Presiden China. Ini membuktikan sekali gus bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diberi pengiktirafan khas oleh ketiga-tiga pemimpin negara terbesar di dunia.

Di sini saya ingin menyeru semua rakyat Malaysia terutamanya belia-belia yang masih leka, marilah kita ikut contoh pemimpin kita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk bekerja keras, ber-prinsip, menjaga maruah bangsa untuk mencapai hasrat menjadikan Malaysia negara yang maju dan berjaya menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di atas segala perancangannya untuk mencapai Wawasan 2020; melalui usaha-usaha awal telah menampakkan kejayaan walaupun prestasi ekonomi dunia lembab, negara kita telah mampu dan berjaya mengekalkan pertumbuhan ekonomi 8% setiap tahun. Pendapatan perkapita penduduk semakin meningkat dan kadar inflasi dapat dikawal.

Sektor perindustrian, iaitu teraju pertumbuhan negara yang berkembang pada kadar 13% setahun dan daya usaha untuk menarik lebih banyak industri berteknologi tinggi yang menggunakan banyak modal dan diharapkan industri kecil dan sederhana tempatan dapat menyokong pertumbuhan industri-industri besar ini dan secara tidak langsung meningkatkan ekonomi negara.

Walaupun terdapat kekurangan pelaburan asing ke Malaysia dan usaha-usaha untuk menggalakkan pelaburan di luar negara dalam bidang-bidang tertentu, saya ingin menganjurkan beberapa perkara untuk diberi perhatian:

- (i) Dalam usaha-usaha pesat untuk menarik pelaburan asing, kita harus sedar bahawa kita mempunyai banyak persaingan di dalam aspek ini dari negara sekeliling kita.
- (ii) Dalam usaha-usaha Kerajaan menggalakkan pelaburan oleh pelabur-pelabur Malaysia di luar negara di dalam

bidang-bidang tertentu, kepentingan rakyat dan juga negara wajib dijaga daripada berlakunya kerugian dan penyalahgunaan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam mempelbagaikan bidang pertumbuhan baru, industri 'aerospace' adalah dikenalpasti sebagai satu sektor strategik baru.

Pertama, saya ingin menyebut di sini bahawa dalam usaha kita menceburi bidang **ini**, langkah-langkah perancangan **teliti** wajib diambil. Kita tidak mahu masalah seperti yang dihadapi oleh MAS (Malaysian Airlines System) di mana melalui perancangan yang tidak **teliti** kakitangan MAS dibayar gaji oleh pihak lain. Penyewaan dan pembelian kapal terbang yang tidak digunakan dan juga pengambilan tenaga asing di mana gaji mereka lebih lumayan daripada pekerja-pekerja tempatan dan dengan itu langkah-langkah pencegahan pembaziran adalah lebih baik daripada pengawalan.

Persoalan juga timbul sama ada **TRI**, iaitu sebuah syarikat swasta mempunyai keupayaan di atas usaha mengambil alih MAS dan menjalankan operasinya tanpa menimbulkan masalah. Adalah perlu diingat bahawa MAS adalah 'National Flight Carrier', dengan izin, bagi negara kita. Jadi, kegagalan di dalam menentukan kelicinan operasinya akan menimbulkan implikasi buruk dan imej yang tidak baik kepada negara kita.

Kedua, pada pameran LIMA baru-baru **ini**, iaitu pameran 'Langkawi International Maritime and Aerospace' telah membuka jalan bagi beberapa syarikat seperti Dornier, Boeing dan Dotch Aerospace

membuat kenyataan menyatakan mereka akan melantik firma-firma Malaysia untuk menjalankan kerja-kerja pemasangan dan juga kerja-kerja pembuatan untuk mereka. Kita harus berjaga-jaga atas operasi seumpama ini yang mana tidak akan membawa apa-apa pertukaran teknologi ke Malaysia. Kononnya inilah sahaja alasan untuk mereka memelopori pasaran Malaysia.

Dengan hal yang demikian, adalah disyorkan agar perhatian kepada beberapa buah negara yang mana telah memperolehi lesen pembuatan alat-alat kapal terbang, umpamanya, negara Romania yang mempunyai industri pembuatan kapal terbang yang sangat maju seperti enjin jet Rolls-Royce, kapal terbang lengkap British Aerospace, badan rangka helikopter dan teknologi buatan enjin dari Aero-Special dan Turbo-Mica dari negara Perancis. Pelaburan dalam industri ini adalah murah di samping pertukaran teknologi benar-benar dilakukan terutamanya dari segi rangka dan penyelenggaraan dan dengan cara ini, kita dapat bertemu dengan mereka yang mempunyai dan menguruskan teknologi ini secara terus-menerus.

Tuan Yang di-Pertua, sektor perkhidmatan komoditi utama dan pertanian adalah amat penting untuk negara kita. Langkah-langkah lebih konkrit adalah penting untuk meningkatkan produktiviti sektor-sektor ini. Sebagai contoh, langkah-langkah untuk meningkatkan lagi Program Perikanan Laut Dalam dan Ternakan Air, Kementerian Pertanian melalui Bank Pertanian haruslah mengambil langkah positif dan agresif untuk menyediakan peluang-peluang pelaburan. Dana atau modal bagi mereka yang berminat menceburi bidang ini di samping memberikan bantuan, bimbingan, nasihat dan teknikal kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, usaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar setakat ini telah menampakkan kejayaan di dalam mempelbagaikan sumber ekonomi mahupun perkhidmatan sosial dan kemudahan prasarana. Saya berharap pembangunan luar bandar kita itu dapat dibuat tanpa mengubah nilai-nilai sosial dan tradisionalnya. Juga perlu mengambil langkah-langkah supaya penghijrahan dari luar bandar ke bandar-bandar besar dapat dikurangkan. Kita tidak mahu kawasan-kawasan luar bandar hanya dihuni oleh warga-warga tua sahaja. Ini secara tidak langsung akan mengubah struktur sosial, politik dan ekonorai kawasan-kawasan luar bandar seperti yang banyak berlaku sekarang.

Program-program Pembangunan Rakyat Termiskin, Pinjaman Tanpa Faedah, Amanah Saham Bumiputera haruslah diberi perhatian sama rata untuk penduduk luar bandar dan juga di bandar-bandar. Tidak dapat dinafikan terdapatnya golongan miskin di bandar-bandar besar khasnya di kawasan-kawasan setinggan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Program Penyusunan Semula Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang berdaya tahan dan berdaya saing, Kerajaan telah memperkenalkan dan mengorganiskan Program 'Vendor', Sistem 'Franchise', Konsep Payung, Model Teroka dan lain-lain lagi melalui syarikat serta agensi-agensi Kerajaan. Walaupun program-program ini baik tetapi saya dapati beberapa perkara perlu dibaiki:

(1) **Sistem Franchise:**

Kita semua mengetahui bahawa beberapa sistem franchise yang diadakan oleh pihak Kerajaan telah mengalami kegagalan seperti "Sate Ria" dan "Martabak Pak Din".

Langkah perlu diambil untuk mengenal pasti mengapa ianya gagal supaya Sistem Franchise ini dapat dimaksimumkan konsepnya untuk dinikmati oleh golongan bumiputera.

- (2) Maklumat-maklumat terperinci seperti kemudahan modal, bantuan nasihat dan teknikal, kemudahan di bawah PUNB, 'Small and Medium Industries' dan lain-lain lagi dapat disalurkan secara efektif kepada golongan bumiputera ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini pasaran pekerjaan lebih menumpu kepada pasaran pekerja. Pekerja-pekerja khasnya rakyat Malaysia boleh memilih bidang pekerjaan yang mereka ingini jika berbanding dengan zaman-zaman kemelesetan ekonomi di tahun 1986 dan 1987 khasnya. Para pekerja menyedari akan kepentingan mereka khasnya di sektor swasta. Mereka sentiasa boleh mencari pekerjaan di dalam daya usaha mereka untuk memperbaiki taraf hidup mereka.

Persoalannya di sini, apakah akan terjadi kepada majikan mereka khususnya majikan-majikan mereka yang berada di sektor Industri Kecil dan Sederhana. Siapakah yang akan melindungi hak-hak majikan ini jika para pekerja mereka berhenti tanpa notis, membuat kerja tanpa disiplin bahkan mengugut majikan mereka dengan meletak jawatan?

Jika pekerja mempunyai Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Buruh dan lain-lain lagi untuk melindungi hak mereka, di manakah pula hak majikan? Perlu juga disedari dengan kurangnya tenaga pekerja tempatan tidak semua majikan mampu untuk mengambil pekerja-pekerja asing secara sah. Ini akan memberi kesan di sektor Industri Kecil dan Sederhana. Dengan itu, wujudnya pula para majikan secara sedar melakukan mengambil para pendatang tanpa izin bekerja dengan mereka kerana keadaan memaksa.

Ini secara tidak langsung akan menimbulkan implikasi negatif dari segi politik, ekonomi dan sosial. Kita tidak mahu negara kita dibanjiri oleh pekerja-pekerja asing dan pendatang tanpa izin dari negara-negara luar menimbulkan banyak implikasi negatif dari positif. Sebagai contoh, penangkapan beberapa orang pembantu rumah Filipina di Gereja St. John Kuala Lumpur telah disalahtafsirkan oleh pemimpin mereka dan media negara tersebut. Apakah langkah-langkah kita pada masa kini dan akan datang untuk menentukan tidak berlaku-

nya masalah seperti berikut jangan berulang lagi iaitu:-

- (i) Jika berlakunya kemelesetan ekonomi dunia dan negara kita, apakah negara dapat menampung pekerja-pekerja dan pendatang tanpa izin ini tanpa menimbulkan kesan negatif terhadap negara kita sendiri.
- (ii) Pada masa kini telah berlakunya persaingan ekonomi khasnya perniagaan kecil, contohnya kawasan perniagaan di Chow Kit dikenali sebagai 'Little Jakarta'. Apakah tindakan supaya tidak berlakunya 'Little Manila', 'Little Bangkok', 'Little Dhaka' dan lain-lain. Bahkan satu perkara menarik kini terdapat peniaga-peniaga kecil tanpa izin daripada Afrika, Russia yang menjalankan perniagaan di Petaling Street seperti yang dilaporkan oleh media massa.
- (iii) Masalah persaingan di dalam menuntut ilmu pendidikan, kesihatan, kemudahan sosial dan lain-lain lagi. Walaupun langkah-langkah tertentu telah diambil seperti mengenakan yuran dan juga bayaran perkhidmatan, pendatang-pendatang asing ini masih bersaing dengan rakyat kita sendiri. Adakah adil jika rakyat Malaysia mensubsidikan pendatang-pendatang asing ini melalui bayaran cukai pendapatan mereka dan pendapatan lain-lain negara? Seperti yang kita ketahui negara kita masih mempunyai masalah kekurangan guru, doktor, jururawat dan banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mencadangkan beberapa perkara untuk diberikan pertimbangan:

Yang pertama, kita **teliti** wujudnya budaya lepak di kalangan belia kita. Jika kita boleh meluangkan waktu kerja kita, kita akan melihat beratus-ratus belia tanpa pekerjaan di Pasar Budaya, Kompleks-kompleks membeli belah seperti di Pertama Complex, Campbell Complex, Lot 10, Sogo dan lain-lain. Kita perlu mengkaji bagaimana mahu menggunakan tenaga-tenaga muda yang tidak digunakan ini.

Yang kedua, bekas-bekas penagih dadah dan banduan dianggarkan dalam angka puluhan ataupun ratusan ribu, kebanyakan majikan khuatir untuk mengambil mereka bekerja kerana stigma keadaan sekeliling. Kita mungkin boleh mengatasi masalah ini dengan memberikan galakan seperti 'tax reduction', dengan izin, ataupun 'tax relief' kepada majikan-majikan yang bersedia mengambil mereka bekerja. Ini secara tidak langsung mengurangkan tekanan di pasaran pekerjaan dan juga buruh. Ianya juga akan mengurangkan masalah kebergantungan ataupun 'overdependable' ke atas pekerja-pekerja asing.

Yang ketiga, tidak juga dilupakan kepada mereka yang cacat, buta ataupun kekurangan anggota fizikal. Satu skim galakan perlu diwujudkan di kalangan majikan untuk mengambil mereka sebagai pekerja.

Yang keempat, membuat pelaburan-pelaburan di bidang-bidang tertentu seperti industri bermodal tinggi di mana kurangnya kebergantungan kepada jumlah buruh yang hendak digunakan. Dengan

itu buruh-buruh yang sedia ada boleh disalurkan lagi kepada bidang-bidang lain khususnya Industri Kecil dan Sederhana.

Yang kelima, mencari langkah-langkah positif dan berkesan untuk mengurangkan guna tenaga di bidang perkhidmatan daripada 800,000 orang kepada had minimum iaitu 450,000 orang sebagai contohnya. Ini secara tidak langsung akan menawarkan harapir 350,000 tenaga kerja kepada pasaran sektor swasta.

Saya percaya dengan perancangan dan pengurusan teliti perkara-perkara di atas dapat dilakukan secara tidak langsung mengurangkan implikasi negatif daripada pekerja-pekerja asing dan pendatang tanpa izin khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pembangunan luar bandar dan industri kraftangan. Rakyat Malaysia khususnya golongan bumi-putera memang terkenal dengan kehalusan kesenian mereka di dalam pembuatan kraftangan. Sebagai contoh, pertukangan perak, tembaga, tenunan, songket, batik dan banyak lagi. Pemusatan kraftangan banyak wujud di kawasan luar bandar khususnya di kampung-kampung, di kawasan Pantai Timur Semenanjung dan juga terdapat di Sabah dan Sarawak. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bersesuaian untuk membantu golongan-golongan yang terbabit di dalam industri kraftangan ini dengan menubuhkan berbagai agensi di peringkat kebangsaan dan negeri seperti berikut:-

- (i) Perbadanan Kraftangan di bawah Jabatan Perdana Menteri;
- (ii) Batik Malaysia Berhad di bawah Kementerian Perusahaan Awam;

- (iii) Johor Kraft di negeri Johor;
- (iv) Saraf Kraft di peringkat negeri Sarawak;
- (v) Suterasemai, Syarikat Usahadesa, Terengganu.

Peruntukan sejumlah wang yang besar telah disediakan oleh pihak Kerajaan untuk membangunkan industri kraftangan **ini**.

Saya ingin mencadangkan satu kaji selidik secara menyeluruh harus dibuat supaya tanggungjawab bertindan dan juga bidang kuasa yang menyebabkan persaingan tidak sihat, pengurusan tidak cekap dan bersaing secara tidak kompetitif di antara sesama agensi Kerajaan dan pihak swasta atau pengusaha-pengusaha dapat dielakkan.

Kita tidak dapat menafikan terdapat setengah-setengah agensi ini telah mengalami kerugian berjuta-juta ringgit tetapi masih beroperasi.

Saya mencadangkan terutamanya supaya pihak-pihak berkenaan mengenal pasti arah matlamat mereka sama ada mereka daripada agensi Kerajaan ini beroperasi untuk bermotifkan untung ataupun tanggungjawab sosial di dalam membantu industri kraftangan.

Memanglah tidak dapat dinafikan pihak kraftangan dan agensi-agensi lain telah berusaha untuk memperkenalkan industri ini dari segi produk, promosi, pemasaran dan juga bantuan teknikal.

Persoalan yang timbul, adakah langkah-langkah ini telah berjaya membantu pengusaha-pengusaha kraftangan? Saya ingin tahu semenjak lima tahun kebelakangan **ini**, apakah nilai eksport serta pembelian yang telah dibuat berbanding kos pengurusan dan pentadbiran?

Seperti yang kita sedari selama ini, tiada pengusaha bumiputera yang telah berjaya mencapai taraf seperti Royal Selangor Pewter bahkan industri kraftangan tradisional seperti perak, tembaga dan songket semakin lemah kerana tiadanya kesinambungan untuk membangunkannya secara pesat.

Seperti industri-industri lain di negara **ini**, pengusaha-pengusaha kraftangan juga menghadapi masalah kekurangan pekerja, Mereka terpaksa menghadapi persaingan tenaga buruh dari industri-industri besar yang lebih berkemampuan untuk mendapatkan tenaga buruh tempatan ataupun asing. Apakah langkah-langkah kita untuk membantu mengatasi masalah ini? Adakah kita ingin melihat industri ini terus berkeadaan lemah mengharap kuantiti tanpa kualiti pengusaha dan membiarkan mereka bersaing tanpa arah matlamat?

Seperti yang diketahui di dalam industri batik dan melalui pengalaman saya sendiri, harga sepasang batik sutera adalah di sekitar RM300 dua tahun lepas tetapi pada masa ini harga sepasang batik sutera hanya RM80 hingga ke RM100. Apakah yang menyebabkan keadaan ini berlaku? Saya juga ingin bertanya adakah kemudahan-kemudahan PUNB untuk industri kecil sampai kepada pengusaha-pengusaha kraftangan ini untuk mereka nikmati.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak-pihak berkenaan yang terbabit secara langsung atau tidak langsung mengambil langkah-langkah positif dan konkrit bagi membantu pengusaha-pengusaha kraftangan ini iaitu:-

- (i) Segala maklumat dan kemudahan modal melalui kemudahan-kemudahan Small and Medium Industries, dengan izin, perlu sampai kepada pengusaha-pengusaha ini;
- (ii) PUNB perlu mengambil peranan membantu pengusaha-pengusaha kraftangan bagi membantu mereka dari segi bimbingan nasihat dan juga bantuan teknikal.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda juga telah memuji sumbangan cemerlang pasukan tentera kita di Bosnia-Herzegovina. Saya juga mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada mereka termasuk petugas-petugas sukarela ABIM khasnya. Mereka bukan sahaja telah berkorban tenaga, bahkan nyawa demi keadilan dan kemanusiaan sejagat malah mereka juga telah mengenalkan kebudayaan kita dengan membuat sambutan rumah terbuka semasa menyambut Hari Raya baru-baru ini.

Saya juga ingin merakamkan perasaan hormat di atas keprihatinan dan sikap ambil berat Menteri Pertahanan Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib Tun Razak yang telah pergi ke Bosnia dan telah memberi sokongan moral kepada Angkatan Tentera kita di sana.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pelancongan. Industri pelancongan semenjak beberapa tahun ini telah memberikan sumbangan ekonomi yang besar kepada negara. Pendapatan dari pertukaran wang asing amat menguntungkan negara kita. Tahun 1994 sekali lagi menjadi Tahun Melawat Malaysia. Produk-produk pelancongan yang lebih menarik dan lebih khusus seperti agro-tourism, cultural-tourism dan educational-tourism, dengan izin, telah diperkenalkan. Industri pelancongan domestik telah dipertingkatkan lagi. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah memainkan peranan aktif untuk menarik pelancong-pelancong luar negara datang ke Malaysia. Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian ini. Walaupun demikian, saya dapati beberapa perkara perlu diperbaiki.

Pertama, latihan koordinasi serta pengetahuan industri pelancongan perlu diseragamkan. Walaupun terdapatnya 'Tourist Development Centre' dan juga sektor swasta seperti 'The Lion's Travel,' Fima College dan lain-lain lagi menganjurkan kursus-kursus melatih pemandu pelancong serta kurikulum lengkap perlulah diadakan untuk menjamin mutu kursus dan latihan yang dibuat.

Kedua, adalah menjadi rahsia terbuka, dengan izin, 'open secret' di dalam industri pelancongan, syarikat-syarikat pelancongan dan pemandu pelancong termasuk pemandu kenderaan diberi komisyen lumayan oleh pengusaha-pengusaha kompleks pelancongan. Komisyennya kadang-kadang hingga setinggi 35%. Komisyen ini dibayar melalui kenaikan harga melampau, dan ini menindas pelancong-pelancong asing. Sebagai contoh, sehelai skaf batik sutera yang berharga RM18.00 ke RM20.00 di pasaran terbuka dijual sehingga RM70.00 sehelai. Saya juga ingin mencadangkan kepada Kementerian Pelancongan dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menyiasat lebih lanjut perbuatan ini.

Ketiga, cadangan sebuah Panggung Negara yang sepatutnya siap pada tahun 1995 telah ditunda kepada 1997 - projek yang sebegitu penting saya rasa hendaklah diswastakan supaya tidak ditangguh-tangguh disebabkan kekurangan peruntukan Kerajaan, dan pentadbiran untuk mengendalikan panggung ini haruslah diberi kepada pihak swasta yang mampu mengendalikan dengan baik dan persembahan yang bermutu tinggi untuk memenuhi citarasa penggemar dan peminat seni dalam dan luar negeri, juga sebagai terapat di mana kumpulan para seniman dapat dilatih secara lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai cultural-tourism. Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pelancongan khasnya untuk mendidik pelancong-pelancong asing khasnya mengenai tata-susila dan adat-resam Timur khususnya mengenai pakaian pelancong-pelancong **itu**. Jika kita melihat kepada pelancong-pelancong asing ini berpakaian tidak sopan, ianya menyentuh

menyentuh sensitiviti masyarakat kita. Langkah-langkah positif haruslah diambil untuk memelihara imej negara kita sebagai negara Islam.

Tuan Yang di-pertua, menyentuh saranan Baginda supaya meningkatkan kelengkapan pengawalan infrastruktur di pelabuhan-pelabuhan, lapangan terbang dan sebagainya, Kerajaan hendaklah beri perhatian khas dan serius. Contohnya, sistem kawalan laut untuk Selat Melaka yang ada sekarang yang mempunyai beberapa kekurangan yang mana boleh menggendalakan urusan keseluruhannya. Semenjak pengeluaran RFP (Request For Proposal), ada beberapa kemajuan besar dalam sistem pengurusan trafik kapal. Sebanyak 40,000 buah kapal dijangka akan lalu dalam Selat Melaka tiap-tiap tahun. Dan pada tahun 2000 ianya melibatkan 5 buah kapal dalam masa sejam.

Memandang kepada hal ini, Malaysia mempunyai peranan yang penting dan tanggungjawab dalam keperluan yang seragam yang boleh dipercayai untuk 'vessel traffic management system **ini**', dengan izin. Dengan keperluan untuk menawar dan melaksanakan sistem kawalan laut untuk Selat Melaka, kita harus ada kuasa yang tertentu untuk mendapatkan nasihat dari laporan-laporan yang sedia ada, dan dari pakar-pakar yang telah mempelajari sistem maritim antarabangsa dan keperluan, bukan dari, individu-individu yang dilantik untuk menentukan spesifikasi yang kini tidak boleh digunakan lagi.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua; saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Di dalam usia yang begitu muda Kementerian ini telah berjaya melindungi pengguna di dalam pelbagai aspek. Saya benar-benar berharap Kementerian ini akan terus berkhidmat dengan penuh dedikasi bagi kepentingan rakyat. Di sini, saya ingin

menyentuh mengenai kegiatan cetak rompak, khususnya yang melibatkan artis-artis tempatan kita. Saya ingin mengesyorkan kepada Kementerian ini supaya satu gerakan aktif dan sepadu dijalankan khas untuk membanteras kegiatan ini. Kegiatan cetak rompak di dalam berbagai industri wujud khususnya industri hiburan. Tanya memberikan kesan kepada pelbagai pihak.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna perlu juga peka kepada pemalsuan iklan daripada mereka yang tidak bertanggungjawab. Langkah-langkah konkrit dan teratur untuk menjalankan konsep pencegahan berbanding dengan kaedah pengawalan seperti yang berlaku baru-baru ini di mana beberapa institusi pengajian tempatan swasta membuat iklan palsu. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Rahim Baba.

5.17 ptg.

**Tuan Rahim bin Baba:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut serta bersama-sama untuk mengambil bahagian untuk membahaskan Usul Ucapan Terima Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Kelapan pada 11hb April, 1994 yang lalu.

Tuan Yang di-pertua, dalam membahas dan juga menyokong Usul **ini**, saya dengan secara ringkas ingin menyentuh kepada lapan perkara. Pertamanya, saya ingin menyentuh tentang peranan badan-badan berkanun dalam bidang perniagaan. Sejak akhir-akhir ini kita dapati boleh dikatakan banyak badan-badan berkanun yang begitu ghairah untuk menceburi bidang perniagaan, termasuklah badan-badan berkanun seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Urusan dan

Tabung Haji dan juga yang lain-lainnya. Telah banyak diperkatakan tentang peranan Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Semasa Soal-Jawab di Dewan Rakyat baru-baru ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah pun menyatakan bahawa Tabung Haji telah berjaya mengumpul sejumlah tabungan RM1.9 bilion, dan juga telah pun menyatakan bahawa Tabung Haji mulai daripada sekarang, secara aktif telah pun mula memasuki bidang perniagaan. Apa yang ingin saya persoalkan ialah bukanlah kita mempersoalkan tentang kemampuan pegawai-pegawai di Tabung Haji untuk memasuki bidang perniagaan, tetapi apa yang ingin saya persoalkan ialah tentang tujuan utama penubuhan Tabung Haji dahulu.

Saya percaya mereka yang memasukkan wang ke dalam Tabung Haji bukanlah dengan niat ataupun hasrat supaya duit ini diperniagakan. Dan apa yang saya bimbangkan ialah dalam soal perniagaan ini tidak semestinya kita mendapat keuntungan semata-mata. Ada juga masanya kita akan menerima kerugian. Jadi, kalaulah berlaku kerugian dalam perniagaan yang dijalankan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji, siapakah yang akan dipertanggungjawabkan? Adakah penyimpan-penyimpan sendiri yang akan menanggung kerugian yang kita harapkan ianya tidak akan berlaku.

Sejarah telah pun membuktikan walau bagaimana pandai ataupun pakar sekali pun kita dalam sesuatu bidang, ada kalanya kita akan terjebak dalam kerugian. Saya bimbang apabila membaca bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji juga telah pun memasuki pasaran komoditi di luar negara. Ini satu pasaran yang asing yang betul-betul memerlukan kepakaran. Jadi, saya berharap supaya pihak Kementerian ataupun pihak Kerajaan dapat mengawal badan-badan berkanun seperti **ini**. Kita tidak hendak peristiwa seperti apa yang berlaku di Bank Negara yang telah pun kerugian hampir RM17 bilion untuk dua tahun berturut-turut akan berulang kepada badan-badan yang lain.

Jadi, kita berharap biarlah kita mengambil pengajaran daripada perkara-perkara yang telah pun berlaku kepada badan-badan berkanun seperti Bank Negara, BMF, Bank Rakyat dan juga pada satu ketika dahulu oleh KWSP yang melabur dalam MAMINCO. Jadi, saya berharap ianya akan kita jadikan pengajaran dan supaya badan-badan ini mengkaji sernula peranan mereka supaya tidak tergelincir daripada hasrat kenapa sesuatu badan itu ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, soal kedua yang ingin saya sentuh ialah mengenai soal pertahanan. Semasa soal jawab di Dewan ini saya telah pun menimbulkan soal di mana tidak ada keseimbangan di antara kemajuan Tentera Darat, Tentera Udara dan juga Tentera Laut. Secara kebetulan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan telah pun masuk ke Dewan ini dan saya telah pun menyentuh bahawa di dalam MOU yang telah pun ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan British, Tentera Laut telah pun diberikan peruntukan lebih daripada

RM6.2 bilion, Tentera Udara dengan pembelian 18 buah Pighter F.18 - RM1.5 bilion, 18 buah MiG 29 - RM1.5 bilion dan juga 28 buah hawks - RM2.2 bilion juga telah pun mendapat peruntukan RM6.2 ataupun RM6.3 bilion. Cuma tentera hanya sempat mencelah untuk membeli Starbus dan juga 42 buah kereta kebal. Saya percaya kalau ketiga-tiga cabang pertahanan negara ini tidak setimpal ataupun tidak diseimbangkan, tidak guna kita mempunyai Tentera Laut ataupun Tentera Udara yang begitu sophisticated, tetapi Tentera Darat kita masih jauh ketinggalan. Saya berharap Kementerian Pertahanan di bawah pimpinan Datuk Seri Najib yang sebegitu peka dengan masalah-masalah pertahanan akan mengambil ingatan tentang kekurangan yang terdapat kepada Tentera Darat kita.

Tuan Yang di-Pertua, soal ketiga yang ingin saya sentuh ialah peranan bank-bank. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun menjawab soal mengenai penyelewengan ataupun kesilapan-kesilapan yang telah pun berlaku semasa penggunaan ATM kad oleh pemegang-pemegang kad dan dalam jawapan yang telah pun ditimbulkan, diperkatakan bahawa kes-kes yang telah pun berlaku tidaklah sebegitu banyak tetapi kalau kita baca dalam akhbar-akhbar tentang penyelewengan-penyelewengan ataupun kehilangan-kehilangan wang yang telah pun berlaku, ianya adalah melebihi daripada apa yang telah pun dilaporkan kepada Bank Negara.

Apa yang telah difahamkan kepada saya ialah pihak Bank mengambil sikap bahawa apa sahaja kesalahan atau apa sahaja kecurian yang berlaku kepada pemegang-pemegang ATM kad yang akan mengambil tanggungjawab ialah pemegang-pemegang kad itu sendiri. Seolah-olah

pihak Bank tidak langsung mempunyai tanggungjawab terhadap sebarang kesalahan ataupun kehilangan kewangan yang disimpan oleh pemegang-pemegang. Saya juga difahamkan pihak bank hanya akan menggantikan wang ini apabila seseorang yang kehilangan wang telah pun membuat laporan kepada polis dan polis pula membuat penyiasatan dan biasanya pihak polis akan mengambil masa agak lama juga untuk membuat penyiasatan dan selepas itu, kalau telah terbukti kesilapan bank, barulah wang mereka itu dikembalikan. Saya berharap pihak Kementerian Kewangan akan dapat meneliti semula akan peranan kad ATM ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang baru-baru ini ditimbulkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita ialah soal rumah murah di mana target yang telah pun ditentukan oleh pihak Kerajaan, baik oleh Kerajaan Negeri ataupun oleh Majlis-majlis Terapatan tidak tercapai. Jadi, dalam soal ini saya ingin mencadangkan supaya seperti mana yang kita maklum, memanglah dalam mana-mana satu projek pembangunan, biasanya apabila dikeluarkan, dengan izin, Development Order (D.O.), akan disyaratkan supaya rumah-rumah murah juga turut dibina oleh seseorang pemaju tetapi apa yang telah pun berlaku ialah pemaju akan mengambil sikap bahawa mereka akan membina rumah-rumah mahal dahulu dan setelah mengaut keuntungan, mereka ini tidak akan membina rumah-rumah murah dan membiarkan kawasan yang telah dikhaskan untuk rumah murah tadi, sama ada mereka ini memohon untuk terus mendirikan rumah-rumah mahal ataupun rumah-rumah sederhana. Jadi, itulah sebabnya target ataupun matlamat kita untuk mendirikan rumah murah tidak tercapai.

Saya mengalu-alukan langkah Dewan Bandaraya yang mensyaratkan supaya pemaju-pemaju disyaratkan di dalam pengeluaran Development Ordernya supaya rumah-rumah murah ini didirikan dahulu sebelum rumah-rumah mahal didirikan ataupun setidak-setidaknya rumah murah juga didirikan dengan secara serentak dengan rumah yang berharga mahal. Dalam soal mendirikan rumah murah ini apa yang saya dapati ialah, saya percaya masalah rumah ini bukannya soal rumah murah sangat, tetapi apa yang disoalkan ialah masalah tidak cukupnya perumahan. Kerajaan telah pun menetapkan kuota rumah murah. Kalau dalam sesuatu projek itu sekurang-kurangnya 20% ataupun 30% ditetapkan untuk rumah murah, tetapi tidak ada kuota untuk rumah-rumah yang berharga sederhana.

Jadi, itulah sebabnya mereka yang mempunyai pendapatan di dalam golongan pertengahan, iaitu golongan-golongan yang berpendapatan di antara RM1,000 hingga RM3,000 di Kuala Lumpur ini, mereka ini tidak layak untuk mendapat rumah murah kerana pendapatan lebih daripada RM1,000, jadi mereka ini tidak ada peluang untuk membeli rumah yang berharga mahal. Rumah mahal biasanya berharga sampai RM150,000-RM200,000 yang diluar kemampuan golongan yang berpendapatan dari RM1,000-RM3,000.

Tetapi untuk rumah-rumah yang berharga RM25,000 pula, mereka ini tidak layak kerana pendapatan mereka lebih daripada apa yang telah pun dihadkan, Jadi, saya ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan juga menetapkan syarat dalam satu-satu pembangunan supaya di samping menetapkan syarat rumah murah, Kerajaan juga hendaklah

menetapkan rumah berharga sederhana, iaitu rumah yang berharga di antara RM25,000 hingga RM50,000 supaya ada peratusan yang ditetapkan supaya mereka yang berpendapatan antara RM1,000 hingga RM3,000 juga mampu untuk membeli rumah-rumah ini.

Tuan Yang di-pertua, satu lagi masalah yang timbul di Wilayah Persekutuan ataupun Kuala Lumpur yang kita telah pun sedar ialah banyak kondominium ataupun apartment yang telah pun didirikan. Biasanya pemaju-pemaju akan mendirikan kondominium ataupun apartment ini dan semasa pembangunannya, mereka ini akan bertanggungjawab tentang sesuatu projek itu, tetapi apa yang merunsingkan ialah selepas projek ini selesai, pemaju yang berkenaan akan hilang dan banyak masalah-masalah yang akan timbul. Kita telah pun berpengalaman mengenai masalah-masalah yang timbul dalam tragedi Highland Towers, di mana begitu susah sekali untuk dikesan pihak pemaju, kalau boleh pun dikesan mereka ini, tentulah tidak ada undang-undang yang boleh dikenakan bahawa mereka ini bertanggungjawab tentang projek ini.

Oleh itu, saya ingin menyarankan supaya di dalam mana-mana projek kondominium ataupun apartment yang didirikan dalam bandar ataupun di bandar-bandar kecil, untuk memastikan projek ini tidak akan menjadi satu masalah di satu masa kelak supaya sekurang-kurangnya 20% daripada unit-unit yang dibina akan terus dipegang oleh syarikat yang berkenaan supaya syarikat ini akan dipertanggungjawabkan untuk memastikan dari segi pengurusan projek-projek yang telah pun dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, soal kelima yang ingin saya sentuh ialah tentang Biro Pengaduan Awam. Kita memang mengalu-alukan peranan Biro Pengaduan Awam di mana rakyat yang menghadapi masalah dengan badan-badan Kerajaan dapat membuat pengaduan. Apa yang membimbangkan saya sekarang ialah oleh kerana proses penswastan yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang, mungkin satu hari kelak rakyat tidak dapat mengadu lagi apabila mereka menghadapi masalah dengan Tenaga Nasional Berhad, dengan masalah Telekom, masalah pembedungan, begitu juga dengan bank-bank.

Jadi, saya berharap supaya peranan ataupun fungsi Biro Pengaduan Awam juga ini meliputi jabatan-jabatan ataupun badan-badan berkanun yang lain di mana bukan hanya biro ini menerima pengaduan mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh orang ramai dengan Jabatan-jabatan Kerajaan tetapi juga biro ini diperluaskan lagi tugas dan juga tanggungjawabnya untuk menerima aduan dari orang ramai terhadap institusi-institusi lain seperti TNB, Telekom, masalah pembedungan, bank-bank dan juga sebagainya.

Perkara yang keenam ingin saya sentuh ialah mengenai Suruhanjaya Sekuriti. Semalam semasa Soal Jawab saya telah menimbulkan soal MOU yang telah pun ditandatangani oleh syarikat-syarikat awam dan saya percaya kalau saya tanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam mengenai berapa MOU yang telah pun ditandatangani oleh syarikat-syarikat awam tahun 1993 ataupun 1994, tentulah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab beliau memerlukan notis dan akan diberitahu kemudian. Jadi, biarlah dalam kesempatan **ini**, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagi tahun 1993 ataupun 1994, berapa banyakkah MOU yang telah pun ditandatangani oleh syarikat-syarikat awam ini dan berapakah yang betul-betul telah pun dilaksanakan dan berapa pula yang telah pun dibatalkan?

Saya menimbulkan ini kerana banyak kekeliruan timbul dalam soal MOU **ini**. Ianya ada kaitan dengan insider trading, dengan izin, iaitu dagangan dalaman. Biasanya pemilik-pemilik syarikat ini akan mengetahui bila MOU hendak ditandatangani supaya saham-saham syarikatnya naik dan mereka juga akan lebih dahulu mengetahui bila sesuatu MOU itu hendak dibatalkan. Jadi, apakah tindakan Suruhanjaya Sekuriti kepada syarikat-syarikat ini? Saya fikir tidaklah memadai kalau kita hanya bercakap tentang akan mengambil tindakan sahaja mengenai masalah-masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh iaitu perkara yang ketujuh ialah mengenai MBO ataupun Management Buy Out di mana yang popular dikatakan sekarang. Kita berharap supaya MBO ini tidak menjadi monopoli kepada pihak-pihak yang tertentu sahaja kerana kita mesti ingat syarikat-syarikat yang ditubuhkan ini adalah syarikat-syarikat amanah untuk orang-orang Melayu ataupun untuk rakyat Malaysia. Ianya bukanlah diamanahkan kepada pengurusan syarikat-syarikat tertentu sahaja kerana saya khuatir kalau kita terlalu rancak sangat dengan MBO, nanti esok matlamat kenapa syarikat-syarikat ini ditubuhkan, kemudahan-kemudahan yang telah pun diberikan ataupun segala keistiraewaan yang telah pun diberikan kepada syarikat-syarikat ini akan jatuh kepada segelintir manusia sahaja.

Saya berharap, kalau di peringkat Negeri satu mekanisme lain difikirkan. Tubuhkan banyak, di setiap negeri biarlah menubuhkan Amanah Saham Negeri masing-masing. Kalau kita sudah ada Amanah Saham Johor, Amanah Saham Selangor baru dilancarkan, Amanah Saham Sarawak pun telah dilancarkan, apalah salahnya negeri-negeri lain juga di mana syarikat-syarikat kepentingan rakyat yang mana ditubuhkan dahulu dengan niat dan hasrat adalah sebagai sebuah syarikat amanah, disalurkan kepada syarikat amanah saham ini supaya rakyat jelata juga dapat sama-sama menikmatinya.

Tuan Yang di-pertua, menyentuh soal bank juga saya ingin sekali lagi menegaskan di sini kepada Yang Berhormat Timbalan

Menteri tentang cara bank-bank kita mengira interest ataupun faedah pinjaman, khasnya dalam pinjaman perumahan. Saya hanya mengambil contoh, kalau kita meminjam RM100.00, memang pun bank-bank akan mengira interest secara 'yearly rest' ataupun faedah tahunan. Maknanya kalau 10%, hari ini kita pinjam, esok pinjaman kita akan jadi RM110,000 tetapi kalau dikira dengan 'monthly rest' ianya akan jadi RM100,800. Inilah bezanya,

Itulah sebabnya bank-bank memang seronok untuk memberikan pinjaman perumahan kerana tidak ada kawalan dari pihak Kementerian sama ada hendak mengenakan interest secara 'monthly rest' ataupun 'yearly rest' pada hal apabila kita membuat bayaran disyaratkan supaya dibuat bayaran secara bulanan.

Jadi, saya ingin menyarankan kepada Kementerian Kewangan supaya mengkaji semula cara-cara bank mengenakan kadar faedah kerana itulah sebabnya bank-bank kita banyak menerima keuntungan. Kalau dia hendak beri kita pinjam duit, kalau dia kira 'yearly rest' kalau kita pinjam RM100,000, esok sudah jadi RM110,000 tetapi kalau kita masuk duit dengan dia, hari ini kita masuk RM100,000 hujung tahun, setahun kemudian barulah kita dapat duit kita jadi RM110,000 kalaulah faedahnya 10%. Jadi, ini perbezaan yang saya percaya satu perniagaan yang tidak adil kepada pengguna-pengguna.

Sama ada perkara ini perlu dilihat oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri ataupun Kementerian Kewangan, saya harap kedua-dua Kementerian ini dapat memikirkan satu mekanisme yang lebih adil kepada peminjam-peminjam dan mereka yang berurusan dengan bank-bank.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang ingin saya sentuh ialah mengenai peranan televisyen kita. Malam tadi saya tertunggu-tunggu jugalah melihat kalau ada siaran Piala Thomas ditunjukkan di televisyen kita. Kita tahu hanya di dalam bidang badminton sahajalah kita boleh 'claim' yang kita ini sebagai 'World Champion'. Dalam bidang-bidang lain, saya fikir kita jauh ketinggalan. Jadi, saya berharap, saya tidak tahulah malam ini Malaysia lawan Korea ada atau tidak 'live telecast' saya pun tidak tahu, saya baca suratkhbar saya tengok tidak ada lagi. Saya berharap supaya pihak Kementcrian Penerangan, pihak TV akan dapat memikirkan supaya game yang kita menjadi 'World Champion' ini diberikan liputan, diberikan liputan yang sama seperti game yang lain. Saya percaya ramai juga peminat-peminat badminton di negara ini kerana Piala Thomas adalah piala yang boleh menaikkan imej negara kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin mengambil masa yang panjang. Saya akan bercakap panjang dalam soal bill-bill yang lain. Jadi, saya memberi kesempatan kepada rakan-rakan yang lain. Dengan ini, saya menyokong Usul Ucapan Terima Kasih,

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Sri Sarasa.

**5.39 ptg.**

**Puan Sri Sarasa Pasamanickam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan itu meramalkan peningkatan ekonomi dan pendapatan perkapita penduduk negara. Ini memang adalah berita baik kepada rakyat Malaysia pada amnya.

Rita telah mencapai taraf hidup yang tinggi dan mewah. Satu golongan rakyat Malaysia sudah terbiasa dengan hotel lima bintang, pendidikan dan cuti di luar negeri, alat benda dan pakaian yang termoden dan termahal. Kita bersyukur kepada Tuhan atas limpah kurniaNya, begitu juga dengan dasar Kerajaan yang mementingkan pembangunan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, Perdana Menteri yang dihormati.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia sudah peka terhadap peluang untuk mencari harta dan kewangan hingga suri rumah tangga pun pandai main saham. Rakyat asing berkerumun ke pantai Malaysia untuk mencari rezeki. Dalam suasana yang cerah ini kita patut rasa bangga tetapi keadaan belia negara ini tidak membanggakan. Bolehkah kita mencapai masyarakat penyayang, beretika dan bermoral seperti dicadangkan dalam Wawasan 2020? Saya fikir tidak, kalau tindakan cemas tidak diambil. Sumber manusia sesebuah negara adalah batu asas kepada pembangunan dan kanak-kanak dan pelajar-pelajar sekolah adalah harapan negara untuk mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang pelajar sekolah yang menjadi masalah yang besar, baik di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah. Sikap dan kegiatan mereka bertambah buruk. Kaum pelajar terlibat dalam kes jenayah seperti merogol, mencabul kehormatan, mencuri harta benda sekolah, memusnahkan harta benda awam, membunuh dan sebagainya. Pelajar terlibat dalam kes pembuangan bayi, kes berlepak dan pelacuran. Kesihatan mereka diancam oleh dadah, rokok dan perhubungan seks. Keselamatan mereka diancam oleh aktiviti kumpulan rahsia. Pendidikan mereka dijejas oleh masalah keluarga dan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, pelajar ini adalah sumber manusia yang perlu diselamatkan dan dipandukan. Apa guna kalau kita kayaraya tetapi anak muda kita tidak bertanggungjawab, tidak bermoral atau beretika dan dijangkiti AIDS ataupun masuk penjara. Dengan izin, "what gain the whole world if you lose your soul?" Tindakan yang segera perlu diambil untuk memulihkan keruntuhan moral dan disiplin di kalangan pelajar. Di setiap sekolah terdapat juga Lembaga Disiplin. Tetapi adalah jelas bahawa Lembaga Disiplin ini telah gagal dalam fungsinya. Sistem yang wujud sekarang tidak dapat membendung masalah kemerosotan disiplin dan keruntuhan moral. Saya menyeru supaya Kementerian Pendidikan mengkaji semula sistem Lembaga Disiplin di sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan bahawa masalah pelajar berasal daripada keluarga pelajar sendiri. Kemudian pengaruh-pengaruh negatif di dalam sekolah dan di luar sekolah menguasai pelajar-pelajar tersebut. Lembaga Disiplin hanya mementingkan hukuman. Ada juga pelajar-pelajar yang dengan izin, sudah "immune" kepada hukuman atau denda. Selain daripada hukuman, sokongan dan kerjasama perlu diberi oleh pihak ibu bapa dan masyarakat untuk menyelesaikan masalah ini.

Saya cadangkan supaya Lembaga Disiplin ini dianggotai oleh wakil-wakil ibu bapa dan Jabatan Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat. Wakil-wakil ini mesti mempunyai latihan kaunseling. Mungkin pembantu-pembantu sukarela yang telah menjalani kursus kaunseling di bawah Jabatan Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat perlu untuk tujuan ini. Yang mustahak ialah wakil-wakil ini mesti juga terdiri daripada semua kaum. Sesuatu kes disiplin itu jangan dianggap dari segi hukuman sahaja, tetapi latar belakang juga perlu disiasat untuk menyelesaikan masalah.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada keputusan Peperiksaan Moral SPM yang dijalankan pertama kali pada tahun lepas iaitu 1993. Peratus kelulusan yang mendapat kecemerlangan sangat rendah dan ini juga menghalang pelajar-pelajar bukan Islam dalam mencapai agregat yang cemerlang. Sebaliknya keputusan untuk peperiksaan Pengetahuan Islam SPM adalah terlalu baik. Nampaknya pelajar-pelajar bukan Islam menghadapi krisis moral. Tetapi seperti kita semua sedia maklum, keruntuhan moral didapati merebak di kalangan semua pelajar Malaysia tanpa mengira agama, bangsa atau negeri. Saya harap, Kementerian Pendidikan dapat memberi penjelasan tentang sebab-sebabnya keputusan peperiksaan Pendidikan Moral itu yang tidak memuaskan.

Kerajaan memperuntukkan berjuta-juta ringgit untuk membina dan membantu institusi-institusi agama dan kegiatan agama setiap tahun. Saya rasa sudah sampailah masa untuk mengkaji semula sistem yang diamalkan sekarang. Adakah sistem ini berkesan atau produktif? Adakah institusi-institusi ini dapat mencapai tujuan? Kalau tidak kita bukan sahaja membazirkan wang tetapi juga kehilangan anak-anak muda kita.

Tuan Yang di-Pertua, pengaliran penduduk dari luar bandar ke bandar adalah faktor penting pada masa sekarang. Pekerja-pekerja dari ladang juga termasuk dalam kategori ini. Mereka menghadapi banyak masalah di bandar. Mereka juga merupakan sumber manusia yang perlu dilatih supaya menjadi tenaga mahir dan separuh mahir. Mereka boleh memasuki sektor perindustrian.

Belia yang tercicir dari sekolah yang ingin mengikuti kursus teknikal atau vokasional tidak mampu membayar yuran pendaftaran untuk institut-institut swasta. Yuran pendaftaran ini mungkin berjumlah sebanyak RM800.00 hingga RM1,000.00. Bukan semua yang boleh dapat tempat di pusat latihan Kerajaan. Saya rasa yayasan-yayasan pelajaran mementingkan kursus-kursus profesional atau ijazah di universiti tempatan dan luar negeri. Kalau bantuan wang boleh diberi kepada belia-belia dari luar bandar yang ingin raengikuti kursus-kursus teknikal atau vokasional di institusi-institusi swasta, pasti tenaga mahir kita dapat ditambah.

Dengan **itu**, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Titah Ucapan DiRaja. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Janggu Anak Banyang.

**5.48 ptg.**

**Tuan Janggu Anak Banyang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi ucapan terima kasih terhadap Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Azlan Shah semasa perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Keempat, Parlimen Kelapan pada 11hb April, 1994.

Titah Baginda telah merangkumi dan menyentuh semua aspek di segi ekonomi, pembangunan luar bandar, pembangunan sosial dan keselamatan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merujuk kembali Wawasan 2020 kita di mana menjelang tahun 2020, negara kita Malayaia akan menjadi sebuah negara yang maju dengan mempunyai masyarakat yang bersatu padu yang diserapkan dengan etika dan moral yang kuat dalam masyarakat demokratik, liberal, toleransi, penyayang, progresif dengan kedudukan ekonomi yang stabil, dinamik dan kukuh.

Seperti titah Baginda semasa perasmian sidang Dewan, usaha-usaha awal ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020 telah menampakkan kejayaan. Kita patut bersyukur kerana semua golongan masyarakat telah menyambut baik cabaran ke arah Wawasan 2020 dengan memperbanyakkan usaha-usaha dalam semua aspek.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya Wawasan 2020 telah memberi cabaran kepada kita, terutama sekali masyarakat bumiputera yang tinggal di luar bandar yang telah tertinggal di belakang untuk menyahut dan mencapai Wawasan tersebut. Keadaan sekarang memerlukan penilaian tanpa pengubahsuaian, bukan sekadar masa sekarang malah untuk masa hadapan. Ianya juga menghendaki perancangan dan pembangunan hasil-hasil untuk kebaikan semua kita.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan di luar bandar sama ada di Sarawak mahupun di Sabah adalah menyedihkan. Masyarakat luar bandar yang hampir kesemua bumiputera sepatutnya diberi perhatian yang lebih serius. Walau bagaimanapun, sambutan mereka mungkin agak lembab dibandingkan dengan masyarakat lain yang lebih maju dan agresif. Kemungkinan kita tidak memperolehi kejayaan kalau Kerajaan Persekutuan atau Kementerian Pembangunan Luar Bandar tidak mengambil langkah yang sewajarnya untuk merancang strategi yang berkesan untuk mengendalikannya jikalau kita tidak menjalankan semua usaha tersebut. Saya percaya kaum bumiputera di kawasan pedalaman akan tertinggal dalam semua segi pembangunan.

Kita lebih tahu, rakyat bumiputera terlebihnya dalam pedalaman hanya menggunakan motobot, motor sangkut untuk menjual atau membawa hasil-hasil mereka ke pekan. Oleh yang demikian, perkara-perkara ini kita harus memberi perhatian dengan serius untuk memberi kemudahan-kemudahan kepada kaum bumiputera di pedalaman oleh

kerana hanya laut dan enjin sangkut membolehkan mereka menjalankan kehidupan harian dan penjualan kepada pekan-pekan berhampiran dengan mereka. Oleh itu juga, kesihatan yang lebih penting juga perlu kepada semua rakyat bumiputera di pedalaman. Dengan itu, saya berharap Kementerian Kesihatan juga akan menyediakan banyak hospital-hospital daerah di dalam daerah seperti pedalaman di Sarawak. Kita lebih tahu perbezaan dari pekan dan ke hulu-hulu sungai jaraknya jauh, memakan belanja yang banyak. Terlebih lagi kalau mereka guna perahu panjang, enjin sangkut menggunakan minyak berpuluh-puluh liter yang begitu membebankan mereka dengan wang ringgit hanya untuk berjumpa dengan doktor untuk merawat pesakit itu.

Oleh itu, saya menyeru kepada Kementerian Kesihatan untuk mempercepatkan, membuat hospital-hospital pedalaman seperti di Sarawak dan Sabah. Walau bagaimanapun, kita lebih tahu rakyat pedalaman jauh dari pekan yang terdekat. Kita akan beri kemudahan itu kepada mereka oleh kerana itu sangat berguna kepada rakyat bumiputera yang diam di pedalaman di hulu sungai.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak perkara yang kita tidak dapat berusaha dan dipertimbangkan. Harus kita beri perhatian yang serius adalah dalam bidang jalan-jalan kecil juga. Oleh kerana jalan itu sepatutnya dibina iintuk menuju ke sekolah-sekolah yang telah dibina di hulu-hulu sungai di pedalaman Sarawak. Oleh kerana perbezaan perjalanan yang susah, saya minta Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan memberi peruntukan untuk membina jalan-jalan kecil

di kawasan pedalaman. Dan lebih penting lagi di kawasan pedalaman Batang Rajang, seperti di lain-lain tempat di Malaysia, kejayaan pelajar-pelajar adalah sangat diharapkan. Mereka telah ketinggalan dalara mata pelajaran matematik, fizik, kimia, biologi dan bidang-bidang sains yang lain. Tanpa uaha-usaha yang mantap untuk membangunkan mutu pelajar luar bandar dalam mata pelajaran tersebut sejak prasekolah, mereka akan tetap kekal ketinggalan di masa akan datang. Oleh itu, saya berharap Kerajaan Pusat akan mengubah dasar-dasar pendidikan. Pendidikan prasekolah harus diperkembangkan ke luar bandar. Tindakan segera harus dibuat untuk melengkapkan sekolah-sekolah asrama dan sekolah vokasional untuk membolehkan pelajar-pelajar kita mendapat tempat di sekolah-sekolah di bandar.

Di samping itu juga, penyelidikan patut dijalankan untuk menentukan komitmen dan tanggungjawab guru-guru terhadap kerja dan tujuan mereka. Di kawasan luar bandar, keadaan sekeliling semakin memainkan peranan penting. Kerajaan seharusnya memberi kemudahan sewajarnya kepada kebajikan guru-guru memberi kemudahan perumahan, pengangkutan, kemudahan rekreasi dan insentif berbentuk elaun iaitu untuk guru-guru yang mengajar di hulu-hulu sungai. Sekolah-sekolah tersebut patutlah dilengkapi dengan alat pendidikan yang terkini dan bahan-bahan bacaan yang mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pendidikan ini saya juga telah difahamkan bekalan buku-buku teks selalu lewat sampai ke sekolah iaitu di bawah Skim Pinjaman Buku Teks. Di samping itu juga, bekalan buku teks tersebut yang diterima oleh sekolah-sekolah adalah tidak mencukupi, terutama sekali bagi kelas-kelas menengah atas.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi rancangan yang kita patut berikan perhatian adalah perluasan program pemulihan dan penyatuan yang diusahakan oleh FELCRA, SELCRA dan SODA di Sarawak. Di samping semua ini, saya harap Kerajaan Persekutuan dan pihak yang berkaitan memberi insentif kepada pihak swasta untuk melabur di Sarawak, terutama di kawasan Lembah Sungai Rajang di bawah konsep baru "Pembangunan Tanah".

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk mengemukakan beberapa soalan dan minta penjelasan daripada pihak berkaitan. Saya minta Kementerian Pendidikan mengkaji semula pemberian geran kepada sekolah-sekolah bantuan untuk penggunaan projek pembangunan fizikal kerana yang sedia ada telah tidak mencukupi. Oleh yang demikian, sekolah-sekolah bantuan Kerajaan di Sarawak mencatat prestasi yang kurang memuaskan dalam peperiksaan seperti SRP, SPM dan STPM.

Soalan saya yang ketiga, saya minta penjelasan daripada Menteri Kerja Raya tentang langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi kesesakan feri di Durin, Sarawak iaitu hanya satu 'highway' di Sarawak untuk menyeberangi Sungai Rejang. Semasa perayaan seperti Tahun Baru Cina, Gawai Daya, Kristmas dan Hari Raya, terpaksa menunggu 4 hingga 5 jam untuk menyeberang dari sebelah-menyebelah sungai.

Itu saya minta penjelasan dari Kementerian Kerja Raya tentang perkhidmatan feri supaya melanjutkan perkhidmatannya, lebih awal sebulan sebelum hari perayaan itu. Saya mencadangkan supaya Kementerian Kerja Raya menambahkan perkhidmatan feri di masa akan datang semasa perayaan tertentu dan menambah masa perkhidmatan daripada pukul 5.00 pagi hingga 12.30 tengah malam tiap-tiap hari.

Selain daripada itu juga, saya memohon penjelasan dari Menteri Kesihatan sama ada Kementerian Kesihatan akan membina hospital daerah di Julau, Sarawak yang telah dijanjikan dan diluluskan peruntukan oleh Kerajaan Pusat. Memandangkan pertambahan penduduk di kawasan tersebut, maka adalah wajar hospital tersebut dibina dengan segera. Peruntukan untuk Hospital Daerah Julau yang telah diluluskan itu, telah ditarik atas sebab-sebab tertentu.

Seterusnya, saya meminta penjelasan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkaitan, sama ada Kementerian berkenaan ada memberi peruntukan untuk membina sebuah unit bomba di daerah Julau, Sarawak. Jikalau belum ada peruntukan, adakah ianya akan dipertimbangkan di masa hadapan?

Selain daripada itu juga, saya menyentuh tentang Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk menyoalkan kedudukan pejabat pos di daerah Julau yang selama ini ditempatkan di pejabat daerah kecil Julau selama lebih kurang, saya ingat dekat 10 tahun. Kita lebih tahu pejabat pos telah diswastakan. Saya fikir pejabat pos sekarang

mungkin banyak duit dan sepatutnya boleh membina pejabat pos yang besar di daerah Julau. Oleh kerana itu, masalah pejabat pos yang selalu sempit, tidak sesuai apabila penduduk di daerah itu semakin bertambah.

Akhirnya, saya minta penjelasan juga dari Kementerian Dalam Negeri mengenai permohonan surat beranak. Oleh kerana kita orang bumiputera kebanyakan duduk di ulu sungai, apabila pemohon itu menghantar permohonan mereka ke Pejabat Pendaftaran, mengambil masa untuk menjawab hingga 5 atau 6 tahun satu permohonan surat beranak. Selalunya apabila mereka hendak menanyakan balik mengenai surat beranak itu, mereka akan diminta membayar processing fee, dengan izin, sebanyak RM10, RM5 atau RM2. Itu membebankan pihak kita kaum bumiputera di ulu-ulu oleh kerana untuk menunggu surat beranak itu diproseskan mengambil masa yang lama. Apabila anak itu berumur 6 tahun atau berumur 7 tahun, dia hendak dihantar ke sekolah, pihak sekolah meminta keterangan surat beranak. Tetapi permohonan surat beranak itu sudah dihantar, belum dapat diproses. Itu saya minta penjelasan dari pihak Kementerian Dalam Negeri cara bagaimana kita hendak mengatasi masalah ini.

Akhirnya, saya menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, saya tengok Hajah Selemiah banyak kali bangun. Bolehlah sekarang Puan Hajah.

**6.05 ptg.**

**Puan Hajah Selemiah binti Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Usul Ucapan Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan Sidang Parlimen Penggal Keempat, Parlimen Kelapan pada 11hb. April yang lalu.

Syukur alhamdulillah yang mana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memerintah negara ini dengan penuh adil dan saksama sehingga berjaya menjadikan negara ini maju, aman dan makmur. Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberikan keyakinan kepada rakyat tentang hala tuju negara yang semakin mantap ke arah mencapai Wawasan 2020. Di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah disentuh mengenai peri pentingnya Kerajaan untuk terus memberikan perhatian ke arah membina generasi belia dan remaja yang dapat menguasai ilmu kemahiran, disiplin dan nilai-nilai hidup yang boleh bersama membangun bangsa Malaysia.

Saya menyokong perhatian yang telah dan sedang diberikan oleh Kerajaan terhadap golongan belia dan remaja memandangkan mereka adalah generasi pewaris negara ini. Justeru itu, tumpuan dan perhatian penuh hendaklah diberikan ke arah membina generasi yang benar-benar berkualiti dari seluruh aspek kehidupan.

Sehubungan dengan itu, masalah belia dan remaja semakin banyak diperkatakan sejak akhir-akhir ini, hendaklah diberikan perhatian yang serius, mengenal pasti punca-punca kepada masalah tersebut hendaklah diberi keutamaan. Antaranya termasuklah penonjolan budaya asing yang melampau batasan terutama melalui media massa dan konsert terbuka yang diadakan di seluruh negara. Dalam hal ini, Kerajaan kena mempunyai satu dasar yang tegas dan ianya hendaklah diletakkan di bawah satu Kementerian yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam hal-hal yang sedemikian rupa.

Saya menyokong usaha yang dibuatkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang berhasrat untuk mengetatkan syarat-syarat kemasukan artis-artis asing ke negara **ini**. Di samping itu, saya juga ingin menyarankan agar syarikat-syarikat rokok dilarang dari menganjurkan konsert-konsert hiburan sebagai strategi untuk melariskan jualan rokok mereka. Di sini, saya ingin menyokong hasrat Kerajaan melaksanakan larangan merokok di tempat-tempat awam secara sepenuhnya.

Selain daripada itu, Kerajaan menerusi Kementerian Kesihatan juga telah mengambil langkah-langkah perlu untuk membanteras kegiatan penjualan iklan dan larangan membeli rokok bagi peringkat umur di bawah 18 tahun. Bagi memastikan kedua-dua tindakan tegas itu mencapai kejayaan, Kerajaan perlu memperhebatkan kempen bagi memastikan orang ramai termasuk para penjual dan pengedar mematuhi arahan berkenaan. Umum mengetahui tabiat merokok dianggap salah satu masalah yang aerius di Malaysia dan kajian kesihatan menunjukkan penghisap rokok telah

meningkat terutamanya mereka yang di bawah umur 15 tahun. Larangan menjual rokok kepada generasi yang berumur 18 tahun ke bawah adalah bertepatan dengan Kerajaan melahirkan masyarakat yang berakhlak tinggi di negara ini terdiri dari kalangan belia dirasakan langkah-langkah untuk mengurangkan tabiat merokok menerusi peraturan perlulah dialu-alukan. Bak kata pepatah, "melentur buluh biarlah dari rebungunya". Sekiranya kita hendak mengurangkan bilangan perokok dalam jangka 10 ke-20 tahun akan datang, kita perlu bertindak dengan mengikis sikap negatif itu di kalangan generasi muda.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melahirkan kebimbangan terhadap masalah dadah yang semakin bertambah di kalangan belia kita dengan tidak menafikan sumbangan dan peranan yang telah dimainkan oleh PEMADAM. Saya rasakan usaha-usaha yang lebih sistematik dengan melibatkan seluruh sektor Kerajaan dan bukan Kerajaan termasuklah badan-badan agama di seluruh negara bagi merangka strategi yang bersepadu bagi menangani isu yang amat serius **ini**. Di samping peruntukan kewangan yang perlu ditambah, peruntukan undang-undang dan penguatkuasaan undang-undang perlu diberi perhatian.

Di samping itu juga, pembinaan rohani adalah perlu sebagai suatu strategi untuk mengatasi masalah ini. Sekiranya kita berlengah-lengah bagi menangani isu ini, dikhuatiri beribu-ribu lagi belia-terjerumus aebagai penagih dadah. Suatu gerakan besar-besaran hendaklah diadakan bagi memperhebatkan pembanterasan gejala najis dadah dari merebak di tahun-tahun mendatang.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang gejala belia lepak yang juga semakin hebat diperkatakan juga hari ini, saya berpendapat masalah ini adalah kesan daripada kurangnya persatuan-persatuan belia yang benar-benar berkesan untuk menyalurkan bakat dan menentukan hala tuju kehidupan belia-belia sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Adalah diharapkan penumpuan perlu diberikan untuk membolehkan pertubuhan belia di seluruh negara aktif serta memantapkan pertubuhan belia yang sedia ada sebagai satu strategi menangani masalah belia berpeleseran dan budaya lepak. Adalah didapati sejak akhir-akhir ini banyak pertubuhan-pertubuhan belia yang tidak aktif dan yang sudah mati pendaftarannya kerana ketiadaan pemimpin-pemimpin belia yang dinamik dan "progresif, sama ada di luar bandar dari juga di bandar. Usaha-usaha yang bersungguh-sungguh hendaklah dilaksanakan bagi menghidupkan semula pertubuhan-pertubuhan ini sebagai langkah membendung gejala yang tidak sihat terus berlaku.

Saya menyokong dan amat bersetuju di atas saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Mohamed Nazri semalam supaya sekolah binaan diwujudkan di negara ini. Ini adalah satu langkah yang

baik bagi mengatasi belia-belia yang menganggur, yang tidak tentu hala tujuannya. Kita hendaklah tidak melupakan nasib belia-belia yang bekerja di kilang-kilang, yang jumlahnya sudah menjangkau puluhan ribu. Belia-belia kilang mempunyai masalah mereka, sendiri yang seandainya tidak diberi perhatian secara khusus oleh Kementerian Belia dan Sukan, mereka ini mungkin akan terdedah kepada budaya yang asing sama sekali daripada budaya ketimuran.

Oleh itu, sukalah saya mencadangkan Kementerian Belia dan Sukan untuk memperhebatkan penubuhan kelab-kelab dan persatuan-persatuan belia, khususnya di bandar-bandar, sebagai langkah untuk melibatkan belia-belia ke dalam kegiatan yang berfaedah. Program Kementerian hendaklah menggalakkan belia-belia berpersatuan dan Jabatan-jabatan Kerajaan hendaklah menjadikan penglibatan dalam persatuan-persatuan belia antara syarat utama bagi mendapatkan pekerjaan. Sekiranya insentif ini dapat diberi, maka saya yakin persatuan belia akan mempunyai keahlian yang ramai dan ini boleh membantu mengurangkan masalah belia lepak.

Di samping itu, faktor perumahan, terutama di flat-flat, yang sebenarnya tidak sesuai untuk keluarga yang mempunyai anak ramai. Oleh kerana kesesakan di rumah, maka anak-anak ini akan menghabiskan masa mereka di gedung-gedung raya dan juga di pasar-pasar raya. Oleh itu, disarankan agar kemudahan-kemudahan rekreasi dan perpustakaan hendaklah diperbanyakkan di tempat-tempat yang strategik untuk membolehkan anak-anak ini menyalur tenaga mereka dalam bidang-bidang yang kreatif dan produktif. Sehubungan dengan inilah, maka saya menyokong usaha-usaha yang aedang dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk memperhebatkan program sukan di kalangan belia dan remaja.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah menyentuh mengenai Pelan Tindakan Kebangsaan bagi melaksanakan Dasar Wanita Negara. Saya menyokong usaha-usaha itu untuk menyedia dan melaksanakan Pelan Tindakan Kebangsaan itu memandangkan tenaga wanita adalah sumber penting bagi membangunkan negara. Isu wanita hendaklah dikaji dan dimasukkan dalam aspek penjagaan anak-anak, penyediaan taman asuhan kanak-kanak, program kesihatan ibu, masalah ibu bekerja dan lain-lain perlu dikaji secara mendalam bagi memastikan sumbangan wanita dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan institusi keluarga dapat dimantap dan dipertahankan. Usaha-usaha ini perlulah diberikan kepada Jabatan-jabatan Kerajaan, syarikat-syarikat swasta yang menyediakan kemudahan-kemudahan seperti ini kepada wanita bekerja. Galakan diberikan kepada majikan-majikan untuk menyediakan kemudahan penjagaan anak-anak pekerja dengan memberikan elaun khas, bukan sahaja boleh membantu meningkatkan produktiviti, tetapi juga akan meningkatkan semangat akrab di antara majikan dan pekerja. Komitmen dari semua Kementerian dan juga pihak swasta amatlah diharapkan bagi memastikan kejayaan Pelan Tindakan Kebangsaan ini akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong, telah menyentuh tentang perlindungan alam sekitar serta ekologi negara perlu diberi tumpuan utama. Tetapi malangnya, kegiatan penebangan untuk tujuan komersil mahupun pembangunan semakin aktif dijalankan. Naraun demikian, kita masih belum terlambat untuk berusaha menyelamatkan kehijauan dari terus terjejas. Misalnya, melalui pemulihan hutan

dan penanaman semula. Sungguhpun begitu, masyarakat umum juga berperanan dalam mengekalkan kehijauan alam sekitar. Pendidikan tentang peri pentingnya kehijauan alam sekitar patut ditanam di dalam jiwa setiap ahli-ahli masyarakat. Dalam mengejar pembangunan ekonomi dan sosial, kita tidak seharusnya mengeneipkan pembangunan alam sekitar. Semua pihak haruslah bekerjasama bagi mengemblengkan tenaga bagi menjayakan kempen alam sekitar ataupun alam hijau.

Tuan Yang di-Pertua, di sini izinkan saya menyentuh sedikit tentang Program Pembangunan Rakyat Termiskin yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan. Saya berpandangan bahawa program ini hendaklah diberi tumpuan yang lebih kepada aspek pendidikan berbanding dengan aspek memberi bantuan kewangan semata-mata. Ini adalah penting bagi menghindarkan berlaku masalah 'mentaliti subsidi' yang mana sebenarnya tidak membantu ke arah menyelesaikan masalah kemiskinan.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mengucapkan tahniah di atas usaha yang dibuatkan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia bagi membendung masalah kemiskinan di negara ini. Walau bagaimanapun, saya berpandangan bahawa Kerajaan perlu mewujudkan beberapa lagi badan seumpama itu di tiap-tiap negeri bagi mempercepatkan proses membasmi kemiskinan. Masalah kemiskinan sekarang bukan sahaja di luar bandar, tetapi juga di bandar-bandar, kesan dari pemodenan yang berlaku di negara kita. Justeru itu, program membasmi kemiskinan di bandar-bandar juga perlu diberi tumpuan, tetapi dengan mengambil pendekatan yang berbeza dan berkesan, terutamanya kemiskinan yang terdapat di kawasan setinggan-setinggan dan juga di rumah-rumah pangsa kos rendah.

Dalam soal ini, adalah diharap penglibatan swasta diperhebatkan di dalam menangani masalah **ini**. Yang dimaksudkan di **sini** bukanlah sekadar menghulurkan bantuan, khususnya dari segi kewangan sahaja, tetapi penglibatan yang bersungguh-sungguh secara sistematik dan bersifat jangka panjang dengan program tertentu untuk mencapai matlamat tertentu. Ini adalah selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk melahirkan masyarakat akram dan juga untuk merealisasikan tanggungjawab sosial yang perlu dimainkan oleh syarikat swasta.

Untuk menggalakkan penglibatan swasta secara serius, saya ingin mencadangkan agar suatu anugerah diberikan khususnya untuk mana-mana syarikat swasta yang terbukti mempunyai program yang berkesan bagi menangani isu kemiskinan ini. Adalah diharapkan dengan anugerah seumpama **ini**, suasana berluraba-lumba membuat kebaikan akan dapat kita budayakan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit mengenai Program Penerapan Budaya Islam. Dalam konteks menyuburkan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran negara dan masyarakat umum, Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam telah dilancarkan oleh Kerajaan sejak tahun 1982 telah pun menjangkau hampir masa 12 tahun. Saya rasa sudah sampai masanya untuk dasar ini dinilai semula keberkesanan, penyebaran dan penyuburan amalan nilai-nilai di dalam pentadbiran Kerajaan. Apakah sudah dibuat penilaian secara terperinci mengenai program ini dan sejauh mana ia benar-benar berkesan dalam konteks meningkatkan prestasi kakitangan Kerajaan terutamanya dari segi amalan 'Bersih, Cekap dan Amanah'?

Saya mencadangkan agar Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dilancar dengan program yang lebih intensif dan sistematik agar perkhidmatan awam di Malaysia ini dapat menjadi model kepada dunia Islam dan seluruh dunia. Justeru itu, dasar ini hendaklah diletakkan di bawah tanggungjawab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, yang raana ianya bertujuan bagi memastikan dasar ini benar-benar dihayati dan difahami oleh seluruh kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya memohon izin bagi menyentuh sedikit tentang hasrat Kerajaan untuk mewujudkan skim pinjaman perumahan sebagai pilihan berkonsepkan 'Bai' Bithamil Ajil' atau Jualan Harta Tertanggung.

Ini adalah suatu keputusan yang bijak, yang begitu lama ditunggu-tunggu oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang beragama Islam. Dengan adanya skim seumpama ini akan membolehkan pegawai-pegawai Kerajaan untuk membolehkan mereka memiliki rumah. Ini juga menunjukkan bahawa Kerajaan semakin peka terhadap tuntutan dan aspirasi umat Islam di negara ini. Dengan ini saya menyokong Usul Terima Kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Rosalind Yau Shuk Meng, dipersilakan.

### **6.23 ptg.**

**Puan Rosalind Tau Shuk Meng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan saya membahas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah di Istiadat Perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Kelapan yang berlangsung pada 11hb yang lalu.

Perkara pertama yang menarik perhatian saya untuk dibahaskan adalah berhubung dengan Wawasan 2020. Kita tentunya sama-sama berasa sukacita bahawa usaha-usaha awal ke arah mencapai Wawasan 2020 telah menampakkan kejayaan, khususnya pertumbuhan ekonomi dan pendapatan perkapita yang diramal meningkat serta keupayaan negara membendung inflasi yang ternyata masih pada kadar yang rendah. Ini adalah suatu yang membanggakan dan melambangkan keupayaan dan kesungguhan Kerajaan dalam mentadbir negara ke arah pembangunan dan

kemajuan rakyat. Namun demikian, dalam mengejar kemajuan dan modernisasi, kita harus juga sedar bahawa kemajuan kebendaan tidak menjamin kemakmuran dan kebahagiaan rakyat.

Dalam usaha kita memodenkan pelbagai bidang, sewajarnya ada perkara-perkara yang patut kita kekalkan, kerana usaha mengekalkannya dan membanteras keluputannya akan lebih memantapkan kehidupan kita semua. Apa yang saya maksudkan di sini adalah di samping maju dengan perindustrian, teknologi canggih dan lain-lainnya, mestilah juga dipastikan bahawa cara hidup yang dijalankan adalah bermoral. Etika dan kehidupan sejagat sewajarnya diberi perhatian yang serius dalam usaha kita memajukan dan memodenkan negara.

Di antara perkara-perkara yang boleh mencacatkan masyarakat menjelang Wawasan 2020 adalah perbuatan membuang anak yang menjadi-jadi sekarang ini. Ini adalah perbuatan yang sungguh tidak bermoral dan sudah amat jauh dari norma kemanusiaan. Apakah punca ia sanggup dilakukan di zaman ini? Kajian mendalam dan usaha membanteras perlu segera dicari sebelum ia mengancam kehidupan masyarakat sihat dan waras.

Selain membuang anak kecil sembarangan, harus juga diperhati perbuangan anak dalam kandungan yang mungkin berlaku tanpa dapat dikesan oleh pihak berkuasa. Kita hendaklah memastikan klinik-klinik swasta yang bertaburan di pelosok negara tidak akan terlibat dalam perbuatan **ini**. Ini akan hanya mampu dicapai sekiranya para doktor benar-benar komited terhadap profesion mulia mereka dan beretika dalam menjalankan peranan mereka. Langkah-langkah perlu

secepat mungkin mesti difikirkan sama ada dengan kaedah menanamkan kesedaran atau berlandaskan undang-undang, mengenakan hukuman lebih berat digubal dan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, budaya muzik liar tidak seharusnya dibiarkan merosakkan peradaban dan tingkah-laku anak-anak muda Malaysia, yang bukan sahaja memusnahkan kesenian dan identiti muzik Malaysia, tetapi juga mempengaruhi cara berpakaian dan cara berhibur muda-mudi kita. Apakah kita harus mengubah budaya muzik kita semata-mata itu dianggap suatu modenisasi berlandaskan Barat?

Kerajaan mampu dan perlu mengawal menularnya budaya muzik Barat ini agar generasi muda kita akan mengekalkan budaya muzik yang beridentitikan Malaysia hingga tahun 2020. Dengan itu, kita akan pasti bahawa generasi akan datang tidak akan hanyut dengan muzik liar seperti yang sedang mengancam muda-mudi Barat ketika ini.

Membentuk budaya ilmu adalah merupakan isu yang belum mencapai tahap yang boleh dibanggakan di negara kita. Budaya ilmu dan usaha pembangunan mental masih perlu mendapat kesedaran mendalam di kalangan rakyat. Di kebanyakan sektor masih mengutamakan produktiviti di kalangan kakitangannya, anugerah sering diberikan kepada kakitangan yang produktif. Akibatnya pekerja bertumpu kepada tugas-tugas mereka dan yang penting bagi mereka hanyalah menyempurnakan tugas yang diberi. Masih amat kurang majikan atau Jabatan yang memberi penghargaan terhadap pekerja yang menyumbang hasil ilmu seperti penulisan dan penyelidikan. Bukan sahaja usaha ke arah

itu tidak menjadi amalan di kalangan pekerja dan kakitangan bahkan

•••

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puari Rosalind Yau Shuk Meng.....

**Puan Rosalind Yau Shuk Meng:** Yes.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya rasa elok kalau kita sambung  
besok, ya.

**Puan Rosalind Yau Shuk Meng:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Panjang lagikan? Besok special  
sambung, saya minta maaf banyak-banyak, ya.

**Puan Rosalind Yau Shuk Meng:** Ya, 10 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sudah lambat, sambung besok.

**Puan Rosalind Yau Shuk Meng:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya nampak ada dua-tiga orang tadi  
hendak bercakap, Tuan Tiong Thai King dan juga Tuan Shahiruddin  
bin Ab. Moin, mungkin ada lagi yang hendak, cuba angkat tangan,  
siapa yang berminat untuk bercakap?

**Beberapa Ahli:** [Mengangkat tangan]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Satu, dua, tiga. Jadi besok kita  
beri peluang dengan harapan kita bataskan antara 10-15 minit  
seorang, selepas itu Menteri memberi jawapan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam  
2.30 petang esok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**